LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
2018


PENGURUSAN AKTIVITI DAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

MELAKA

SIRI 1



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
2018

PENGURUSAN AKTIVITI
DAN PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI

MELAKA

SIRI 1

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

KANDUNGAN

KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PENDAHULUAN	**vii**
INTI SARI LAPORAN	**xi**
BAHAGIAN I **PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**	
UNIT PERANCANGAN EKONOMI NEGERI MELAKA Pengurusan Program Latihan Kemahiran Perindustrian	**3**
BAHAGIAN II **PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**	
PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)	**29**
PENGAUDITAN MENGEJUT	**62**
PENUTUP	**73**
AKRONIM	**77**

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri serta pengurusan syarikat Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan empat (4) jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan – untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri dan Badan Berkanun Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi – untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan – untuk menilai kedudukan kewangan, amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti syarikat Kerajaan Negeri.

2. Laporan saya mengenai Pengurusan Aktiviti dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Melaka Tahun 2018 Siri 1 mengandungi perkara berikut:

Bahagian I : Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

3. Laporan ini mengandungi hasil pengauditan terhadap pengurusan aktiviti di satu (1) Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, dilaporkan juga hasil pengauditan Pengurusan

Kewangan (Indeks Akauntabiliti) yang dijalankan di 10 Jabatan/Agensi Negeri dan Pengauditan Mengejut di 10 Jabatan/Agensi Negeri. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi Negeri yang berkenaan. Pihak pengurusan Jabatan/Agensi Negeri juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa *exit conference* diadakan di samping surat pengesahan diterima daripada mereka sebelum Laporan dimuktamadkan. Dalam Laporan ini hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan untuk memaklumkan kepada *stakeholders* mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 15 syor untuk diambil tindakan oleh Jabatan/Agensi Negeri berkenaan.

4. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan semasa pengurusan, pemantauan atau pelaksanaan program, projek dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Di samping meningkatkan akauntabiliti dan integriti penjawat awam/pegawai/kakitangan Kerajaan Negeri, laporan ini juga diharap dapat membantu menimbulkan kesedaran melalui *lessons learnt* bagi mendapat *value for money* untuk setiap perbelanjaan yang dibuat.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/ Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
24 Jun 2019

INTI SARI LAPORAN

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN 1 – AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

UNIT PERANCANGAN EKONOMI NEGERI MELAKA

1. Pengurusan Program Latihan Kemahiran Perindustrian

a. Unit Perancangan Ekonomi Negeri Melaka (UPEN) berperanan merancang, melaksana dan mengkaji semula dasar dan strategi pembangunan sosio-ekonomi bagi mencapai misi Kerajaan Negeri Melaka. Antara misi yang perlu dilaksanakan oleh UPEN adalah meningkatkan pembangunan sumber manusia. Pada tahun 2007, UPEN telah diberi tanggungjawab oleh Kerajaan Persekutuan untuk menyelia Program Latihan Kemahiran Perindustrian (PLKP) bagi pelajar-pelajar lepasan ijazah dan Sijil Pelajaran Malaysia bagi melahirkan pelatih yang berkeyakinan dan berketerampilan untuk memenuhi keperluan industri utama di negeri Melaka. Selaras dengan itu, program *Industrial Skills Enhancement Programme* (INSEP) disediakan untuk graduan lepasan ijazah dan program *Workforce Technical Transformation Programme* (WTTP) disasarkan kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dengan menawarkan Kursus Juruteknik Automasi – Mekatronik Tahap 2 dan Tahap 3. Bagi melaksana PLKP tersebut, Kerajaan Negeri telah melantik Pusat Pembangunan Kemahiran Perindustrian dan Keusahawanan (MISDEC) sebagai entiti pelaksana. MISDEC merupakan sebuah agensi yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia yang mendapat pentauliahan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia untuk melaksanakan program berasaskan *National Occupational Skills Standard (NOSS).*

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2018 hingga Februari 2019 merumuskan perkara berikut:

i. Prestasi PLKP

PLKP yang dilaksanakan tidak mencapai objektif sepenuhnya untuk melahirkan graduan yang mencapai kebolehpasaran pekerjaan sebanyak 49.7% daripada jumlah pelatih yang berjaya menamatkan latihan telah mendapat pekerjaan. Manakala baki 50.3% graduan telah ditawarkan pekerjaan tetapi menolak tawaran berkenaan disebabkan melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi atau graduan berkenaan tidak berminat dengan tawaran pekerjaan tersebut.

Selain itu, prestasi pengambilan pelatih pada tempoh pengauditan tidak mencapai sasaran di mana hanya 101 orang pelatih yang berjaya mengikuti kursus berbanding 150 orang pelatih yang disasarkan.

ii. Pengurusan PLKP

Bagi aspek pengurusan PLKP terdapat ruang untuk dipertingkatkan bagi meningkatkan tahap kecekapan di dalam pelaksanaan PLKP. Antara kelemahan utama adalah ketiadaan perjanjian yang formal antara UPEN dan MISDEC sebagai entiti pelaksana bagi menetapkan hala tuju program dan kaedah pelaksanaan bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Kesan daripada perkara tersebut wujud penggunaan peralatan yang tidak optimum, lebihan tenaga pengajar yang akhirnya memberi kesan kepada kos purata per pelatih.

c. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian adalah seperti berikut:

i. berlaku peningkatan ketara purata kos perbelanjaan per graduan daripada RM10,870 kepada RM76,652 seorang iaitu peningkatan 605.2%;

ii. ketiadaan perancangan yang jelas dan ketiadaan perjanjian yang formal berhubung pelantikan MISDEC sebagai entiti pelaksana program PLKP;

iii. terdapat peralatan latihan sebanyak 4,488 unit tidak digunakan pada tahap yang optimum dan terdapat 680 unit peralatan bernilai RM0.24 juta yang tidak dapat dikesan; dan

iv. terdapat tuntutan berjumlah RM1.05 juta diluluskan tanpa dokumen sokongan yang lengkap dan wujud risiko pembayaran terlebih bayar yuran tenaga pengajar serta perolehan aset tidak mengikut prosedur kewangan.

d. Bagi mengatasi masalah kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan UPEN mengambil tindakan seperti berikut:

i. menyediakan satu perjanjian yang formal dengan MISDEC bagi menentukan hala tuju yang jelas mengenai pelaksanaan PLKP selaras dengan kehendak Kerajaan di samping menetapkan obligasi berkaitan pematuhan prosedur kewangan, penyediaan perancangan dan pelaksanaan program;

ii. mengambil langkah proaktif untuk membuat hebahan kepada masyarakat berkaitan kursus PLKP yang ditawarkan; dan

iii. menjalankan siasatan berhubung wujudnya risiko lebihan bayaran tenaga pengajar serta peralatan yang tidak dapat dikesan.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

1. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)

a. Pada tahun 2018, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) di 10 Jabatan/Agensi Negeri untuk menilai sama ada pengurusan kewangan telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi tahun kewangan 2018 menunjukkan enam (6) Jabatan/Agensi mencapai tahap Baik, dua (2) Jabatan mencapai tahap Memuaskan dan dua (2) Agensi mencapai tahap Kurang Memuaskan.

b. Jabatan/Agensi Negeri boleh mempertingkatkan pengurusan kewangan ke tahap yang lebih baik jika langkah penambahbaikan diambil oleh Jabatan/Agensi. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

i. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;

ii. pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di Bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;

iii. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan;

iv. Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjejaskan imej Kerajaan;

v. berusaha mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi 2 boleh dijadikan rujukan;

vi. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut; dan

vii. melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius.

2. Pengauditan Mengejut

a. Pengauditan Mengejut telah dijalankan di 10 Pusat TanggungJawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) dan Jabatan/Agensi pada tahun 2018 adalah berdasarkan kepada bilangan pematuhan dalam kriteria bagi empat (4) kawalan yang diaudit iaitu kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, kawalan barang berharga dan kawalan umum. Ketua PTJ/PK dan Jabatan/Agensi yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan kawalan dalaman serta memastikan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi.

b. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian serius bagi meningkat dan memantapkan kawalan pengurusan kewangan di PTJ/PK/Agensi Negeri agar isu yang dibangkitkan tidak berulang serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan pada masa akan datang. Antara isu yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

i. Daftar Borang Hasil (Kew. 68) dan Daftar Mel/Laporan Mel tidak diselenggarakan oleh pegawai yang diberi kuasa;

ii. berlaku kelewatan pendaftaran harta modal dan aset alih bernilai rendah dari tarikh pengesahan penerimaan;

iii. pergerakan aset bagi tujuan pinjaman/penempatan sementara tidak direkodkan;

iv. penerimaan barang-barang daripada pembekal Stor Pusat/Utama tidak menggunakan Borang Terimaan Barang-Barang (BTB) KEW.PS-1;

v. kod kombinasi dan anak kunci peti besi/bilik kebal dipegang oleh pegawai yang sama; dan

vi. pemeriksaan mengejut di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 309 tidak dilaksanakan oleh Ketua Jabatan dalam tempoh enam (6) bulan.

c. Sehubungan itu, semua PTJ/PK/Agensi Negeri hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

i. semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini meliputi pengurusan aset dan stor;

ii. mengeluarkan surat penurunan kuasa kepada pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan Borang Hasil;

iii. melaksanakan pemeriksaan mengejut mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan AP 309;

iv. mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan; dan

v. memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan.

BAHAGIAN I

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

UNIT PERANCANGAN EKONOMI NEGERI MELAKA

1 PENGURUSAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN PERINDUSTRIAN

1. LATAR BELAKANG

1.1. Unit Perancangan Ekonomi Negeri Melaka (UPEN) berperanan merancang, melaksana dan mengkaji semula dasar dan strategi pembangunan sosio-ekonomi bagi mencapai misi Kerajaan Negeri Melaka. Antara misi yang perlu dilaksanakan oleh UPEN adalah meningkatkan pembangunan sumber manusia. Pada tahun 2007, UPEN telah diberi tanggungjawab oleh Kerajaan Persekutuan untuk menyelia Program Latihan Kemahiran Perindustrian (PLKP) bagi pelajar-pelajar lepasan ijazah dan Sijil Pelajaran Malaysia bagi melahirkan pelatih yang berkeyakinan dan berketerampilan untuk memenuhi keperluan industri utama di negeri Melaka. Selaras dengan itu, program *Industrial Skills Enhancement Programme* (INSEP) disediakan untuk graduan lepasan ijazah dan program *Workforce Technical Transformation Programme* (WTTP) disasarkan kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dengan menawarkan Kursus Juruteknik Automasi – Mekatronik Tahap 2 dan Tahap 3.

1.2. Bagi melaksana PLKP tersebut, Kerajaan Negeri telah melantik Pusat Pembangunan Kemahiran Perindustrian dan Keusahawanan (MISDEC) pada tahun 2007 sebagai agensi pelaksana. MISDEC merupakan sebuah agensi yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sejak 10 Mei 1994 yang mendapat pentauliahan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia untuk melaksanakan program berasaskan *National Occupational Skills Standard* (*NOSS).* MISDEC beroperasi di bangunan yang dilengkapi dengan kemudahan sebuah dewan kuliah, lima (5) buah bilik kuliah, sembilan (9) buah makmal, sebuah makmal komputer, sebuah dapur kulinari dan pastri, sepuluh (10) buah bengkel, sebuah perpustakaan, sebuah bangunan untuk set generator, bilik pejabat pentadbiran, bilik pejabat tenaga pengajar, kantin dan surau. MISDEC mempunyai enam (6) tenaga pengajar yang terlatih dengan kriteria yang ditetapkan oleh *NOSS*. Pengambilan tenaga pengajar di MISDEC adalah berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh *NOSS* antaranya perlu mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Operasi Latihan Vokasional daripada Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam bidang yang berkaitan.

1.3. Peruntukan dari Kerajaan Persekutuan bagi pelaksanaan PLKP disalurkan melalui Kumpulan Wang Amanah (KWA) INSEP dan WTTP (Kod Amanah: 58019) serta KWA Pembelian Peralatan MISDEC (Kod Amanah: 58015) yang dikawal selia oleh UPEN. Penyaluran peruntukan adalah bagi membiayai kos pelatih dan kos operasi MISDEC dengan kaedah tuntutan bayaran balik daripada MISDEC. Penyediaan kemudahan peralatan pembelajaran adalah menggunakan peruntukan daripada KWA Pembelian Peralatan di mana proses perolehan akan dibuat oleh UPEN berdasarkan permohonan dari MISDEC.

1.4. Sehingga tarikh pengauditan, UPEN telah menerima peruntukan bagi KWA berjumlah RM34.13 juta daripada Kementerian Kewangan dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang meliputi RM28.71 juta untuk KWA INSEP dan WTTP serta RM5.42 juta untuk KWA Pembelian Peralatan.

1.5. Sehingga 31 Disember 2018, UPEN telah menyalurkan kepada MISDEC sejumlah RM25.22 juta iaitu RM23.51 juta daripada KWA INSEP dan WTTP serta sejumlah RM1.71 juta daripada KWA Pembelian Peralatan bagi tujuan pelaksanaan PLKP. Butiran lanjut penerimaan peruntukan dan penyaluran peruntukan bagi KWA tersebut adalah seperti **Jadual 1.**

JADUAL 1
PERUNTUKAN DITERIMA DAN DISALURKAN MELALUI KWA INSEP DAN WTTP SERTA KWA PEMBELIAN PERALATAN MISDEC SEHINGGA TAHUN 2018

KWA	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI (RM Juta)
INSEP dan WTTP	28.71	23.51	5.20
Pembelian Peralatan MISDEC	5.42	1.71	3.71
JUMLAH	**34.13**	**25.22**	**8.91**

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran KWA INSEP dan WTTP
Penyata Terimaan dan Bayaran KWA Pembelian Peralatan MISDEC

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi menilai sama ada pengurusan PLKP telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektifnya iaitu untuk melahirkan pelatih yang berkeyakinan dan berketerampilan bagi memenuhi keperluan industri utama di negeri Melaka.

3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan program PLKP bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Prestasi program meliputi aspek pencapaian output dan pencapaian *outcome*. Manakala pengurusan program meliputi prestasi kewangan, perancangan PLKP, keperluan peralatan dan bahan latihan, pengurusan kewangan, pemantauan serta maklum balas kualiti perkhidmatan. Pengauditan ini dijalankan di UPEN dan MISDEC. Pengauditan turut dijalankan terhadap data pengambilan pelatih dan bilangan graduan yang dibiayai oleh KWA bagi program WTTP sahaja. Pengauditan tidak dapat dilaksanakan terhadap pelatih program INSEP kerana tiada pembiayaan di bawah program berkenaan bagi tempoh tahun yang diaudit.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail serta menganalisis data yang berkaitan dengan PLKP yang dilaksanakan di MISDEC. Lawatan dan pemeriksaan fizikal terhadap *tools, equipment and machinery* di MISDEC serta temu bual juga dilaksanakan dengan pegawai pengurusan MISDEC, tenaga pengajar dan pelatih. Soal selidik turut diedarkan kepada pelatih bagi mendapatkan maklum balas.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan mulai bulan November 2018 hingga Februari 2019 merumuskan perkara berikut:

5.1.1. Prestasi PLKP

PLKP yang dilaksanakan tidak mencapai objektif sepenuhnya untuk melahirkan graduan yang mencapai kebolehpasaran pekerjaan iaitu sebanyak 49.7% daripada jumlah pelatih yang berjaya menamatkan latihan telah mendapat pekerjaan. Manakala baki 50.3% graduan telah ditawarkan pekerjaan tetapi menolak tawaran berkenaan disebabkan melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi atau graduan berkenaan tidak berminat dengan tawaran pekerjaan tersebut. Selain itu, prestasi pengambilan pelatih pada tempoh pengauditan tidak mencapai sasaran di mana hanya 101 orang pelatih yang berjaya mengikuti kursus berbanding 150 orang pelatih yang disasarkan.

5.1.2. Pengurusan PLKP

Bagi aspek pengurusan PLKP terdapat ruang untuk dipertingkatkan bagi meningkatkan tahap kecekapan di dalam pelaksanaan PLKP. Antara kelemahan utama adalah ketiadaan perjanjian yang formal antara UPEN dan MISDEC sebagai entiti pelaksana bagi menetapkan hala tuju program dan kaedah pelaksanaan bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Kesan daripada perkara tersebut wujud penggunaan peralatan yang tidak optimum, lebihan tenaga pengajar yang akhirnya memberi kesan kepada kos purata per pelatih. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian adalah seperti berikut:

i. berlaku peningkatan ketara purata kos perbelanjaan per graduan daripada RM10,870 kepada RM76,652 seorang iaitu peningkatan 605.2%;

ii. ketiadaan perancangan yang jelas dan ketiadaan perjanjian yang formal berhubung pelantikan MISDEC sebagai entiti pelaksana program PLKP;

iii. terdapat peralatan latihan sebanyak 4,488 unit tidak digunakan pada tahap yang optimum dan terdapat 680 unit peralatan bernilai RM0.24 juta yang tidak dapat dikesan; dan

iv. terdapat tuntutan berjumlah RM1.05 juta diluluskan tanpa dokumen sokongan yang lengkap dan wujud risiko pembayaran terlebih bayar yuran tenaga pengajar serta perolehan aset tidak mengikut prosedur kewangan.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui serta maklum balas yang diterima telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 16 April 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

6.1. Prestasi PLKP

Kursus PLKP yang ditawarkan di MISDEC adalah Kursus Juruteknik Automasi – Mekatronik Tahap 2 dan Kursus Juruteknik Automasi – Mekatronik Tahap 3. Mulai tahun 2009 hingga tahun 2018, seramai 425 orang pelatih telah diambil untuk menjalani kursus PLKP. Daripada jumlah tersebut seramai 416 (97.9%) orang telah berjaya menamatkan latihan.

6.1.1. Pencapaian Output

Tahap pencapaian output bagi program ini diukur melalui bilangan pelatih yang berjaya menamatkan latihan di bawah Program WTTP yang mengikuti Kursus Juruteknik Automasi – Mekatronik Tahap 2 dan Tahap 3 berasaskan *NOSS*. Bagi mencapai output yang optimum, sasaran hendaklah ditetapkan selaras dengan sumber sedia ada seperti kapasiti, sumber manusia, kewangan, kemudahan fasiliti dan keperluan pasaran. Semakan Audit terhadap pencapaian output mendapati perkara seperti berikut:

a. Pencapaian Sasaran Pelatih dan Graduan

i. Sasaran pengambilan pelatih adalah berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh *NOSS* iaitu seramai 25 orang pelatih bagi setiap siri pengambilan. Semakan Audit bagi tempoh 2016 hingga 2018 mendapati jumlah keseluruhan sasaran pengambilan pelatih adalah seramai 150 orang berbanding pengambilan sebenar adalah seramai 101 orang iaitu pada tahap 67.3%. Butiran lanjut seperti **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN PENGAMBILAN PELATIH
BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN PENGAMBILAN	SIRI PENGAMBILAN PELATIH (KUMPULAN)	TEMPOH LATIHAN	BILANGAN PENGAMBILAN PELATIH		BILANGAN KEKURANGAN PENGAMBILAN PELATIH
			SASARAN	SEBENAR	
2016	46	Mac 2016 – Okt 2017	25	26	-1
	47	Jun 2016 – Dis 2017	25	15	10
	48	Jun 2016 – Dis 2017	25	17	8
JUMLAH			**75**	**58**	**17**
2017	50	Jul 2017 – Dis 2018	25	14	11
JUMLAH			**25**	**14**	**11**
2018	51	Mei 2018 – Okt 2019	25	15	10
	52	Nov 2018 – Okt 2019	25	14	11
JUMLAH			**50**	**29**	**21**
JUMLAH KESELURUHAN			**150**	**101**	**49**

Sumber: Jadual Pengambilan Pelatih, MISDEC
Nota: Kumpulan 45 dan Kumpulan 49 tidak diambil kira kerana pelatih tidak dibiayai oleh KWA INSEP dan WTTP

ii. Pihak Audit juga menilai pencapaian output berdasarkan sasaran pelatih yang menamatkan latihan (graduan) pada tahun 2016 hingga 2018. Semakan Audit mendapati seramai 169 orang graduan daripada 12 kumpulan disasarkan untuk menamatkan latihan dalam tempoh tersebut. Bilangan graduan yang disasarkan pada tahun

2016, 2017 dan 2018 adalah masing-masing seramai 97, 58 dan 14 orang graduan.

iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati jumlah bilangan pelatih yang berjaya menamatkan latihan adalah seramai 163 orang iaitu tahun 2016, 2017 dan 2018 adalah seramai 97, 54 dan 12 orang pelatih masing-masing pada tahap 85.7% hingga 100% iaitu 96.4% secara keseluruhan. Butiran lanjut seperti **Jadual 3**.

JADUAL 3
PERATUS PENCAPAIAN GRADUAN
BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN TAMAT PENGAJIAN	KUMPULAN GRADUAN	SASARAN GRADUAN	BILANGAN GRADUAN SEBENAR	PERATUSAN GRADUAN YANG BERJAYA (%)
2016	37	6	6	100
	38	18	18	100
	39	11	11	100
	40	10	10	100
	41	15	15	100
	42	12	12	100
	43	12	12	100
	44	13	13	100
JUMLAH		**97**	**97**	**100**
2017	46	26	26	100
	47	15	13	86.7
	48	17	15	88.2
JUMLAH		**58**	**54**	**93.1**
2018	50	14	12	85.7
JUMLAH		**14**	**12**	**85.7**
JUMLAH KESELURUHAN		**169**	**163**	**96.4**

Sumber: Jadual Perancangan Akademik dan Analisis Pelatih MISDEC
Nota: Kumpulan 45 dan Kumpulan 49 tidak diambil kira kerana pelatih tidak dibiayai oleh KWA INSEP dan WTTP

Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 26 April 2019

Pada dasarnya, UPEN tidak menjalankan promosi secara langsung mengenai PLKP. Urusan promosi dijalankan oleh pihak MISDEC sendiri. Pada tahun 2016 hingga September 2018 pihak MISDEC tidak mempunyai Unit Promosi yang khusus dan menyebabkan promosi bagi pengambilan pelatih tidak dijalankan secara teratur dan berkesan. Bagaimanapun, bermula bulan Oktober 2018 Unit Pemasaran dan Hubungan Industri MISDEC telah diperkemaskan

dengan lebih terperinci supaya urusan promosi pengambilan pelatih dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan. Bermula tahun 2019, MISDEC telah berjaya mencapai sasaran 25 orang pelatih bagi setiap siri pengambilan Kumpulan 53 dan 54.

Pada pendapat Audit, pencapaian output bagi tahun 2016 hingga tahun 2018 bagi urusan pengambilan pelatih adalah kurang memuaskan berbanding dengan sasaran.

6.1.2. Pencapaian *Outcome*

a. Antara objektif pelaksanaan PLKP adalah bagi melahirkan pelatih yang berkeyakinan dan berketerampilan untuk memenuhi keperluan industri utama di negeri Melaka. Selain itu perkara 6.1 (e) *NOSS* menetapkan supaya Pusat Bertauliah menjalankan pengesanan pelatih yang telah tamat latihan *(tracer study)* bagi mendapatkan maklumat keberkesanan latihan dan kebolehpasaran pekerjaan dan mengemukakan kepada JPK sebelum bulan April setiap tahun.

b. Semakan Audit mendapati MISDEC telah melaksanakan *tracer study* terhadap 163 orang graduan bagi tempoh tersebut. Pihak Audit mendapati status kebolehpasaran pekerjaan bagi 163 orang graduan berkenaan menunjukkan 81 orang telah memperoleh pekerjaan mengikut bidang pensijilan, sembilan (9) orang bekerja tidak mengikut bidang pensijilan, 42 orang belum bekerja dan 31 orang melanjutkan pengajian ke Institut Pengajian Tinggi. Butiran lanjut seperti **Jadual 4.**

JADUAL 4
STATISTIK LAPORAN PENGESANAN GRADUAN BAGI TEMPOH 2016 HINGGA 2018

TAHUN	KUMPULAN GRADUAN	BILANGAN GRADUAN	BILANGAN GRADUAN BEKERJA MENGIKUT PENSIJILAN	BILANGAN GRADUAN BEKERJA TIDAK MENGIKUT PENSIJILAN	BILANGAN GRADUAN BELUM BEKERJA	BILANGAN GRADUAN MELANJUTKAN PENGAJIAN
2016	37	6	5	0	0	1
	38	18	6	1	7	4
	39	11	7	1	3	0
	40	10	5	1	4	0
	41	15	0	0	0	15
	42	12	7	0	5	0
	43	12	9	0	3	0
	44	13	10	0	3	0
JUMLAH		**97**	**49**	**3**	**25**	**20**

TAHUN	KUMPULAN GRADUAN	BILANGAN GRADUAN	BILANGAN GRADUAN BEKERJA MENGIKUT PENSIJILAN	BILANGAN GRADUAN BEKERJA TIDAK MENGIKUT PENSIJILAN	BILANGAN GRADUAN BELUM BEKERJA	BILANGAN GRADUAN MELANJUTKAN PENGAJIAN
2017	46	26	17	2	6	1
	47	13	7	1	2	3
	48	15	5	2	2	6
JUMLAH		**54**	**29**	**5**	**10**	**10**
2018	50	12	3	1	7	1
JUMLAH		**12**	**3**	**1**	**7**	**1**
JUMLAH KESELURUHAN		**163**	**81**	**9**	**42**	**31**
PERATUSAN PENCAPAIAN KEBOLEHPASARAN			**49.7%**	**5.5%**	**25.8%**	**19.0%**

Sumber: Jadual Perancangan Akademik dan Analisis Pelatih MISDEC

c. Analisis Audit selanjutnya terhadap peratusan pencapaian kebolehpasaran pekerjaan bagi 163 graduan mendapati 49.7% graduan telah mendapat pekerjaan mengikut pensijilan dan 5.5% graduan ditawarkan pekerjaan tidak mengikut pensijilan.

d. Berdasarkan maklum balas daripada UPEN, baki 25.8% graduan yang masih belum bekerja telah ditawarkan pekerjaan sebelum menamatkan pengajian tetapi memilih untuk menolak tawaran dan mencari pekerjaan lain. Sementara itu, 19.0% graduan melanjutkan pengajian.

Pada pendapat Audit, kebolehpasaran pekerjaan bagi graduan MISDEC adalah kurang memuaskan di mana hanya sebahagian daripada graduan telah mendapat pekerjaan mengikut bidang pensijilan.

6.2. Pengurusan PLKP

6.2.1. Prestasi Kewangan

a. KWA INSEP dan WTTP serta KWA Pembelian Peralatan ditubuhkan di bawah seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957. Tujuan KWA ini diwujudkan adalah untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan kepada Kerajaan Negeri bagi membiayai program, kursus serta pembelian peralatan dan kelengkapan yang dijalankan di MISDEC. Kedua-dua KWA tersebut dikawal selia oleh UPEN.

b. Surat Ikatan Amanah bagi setiap KWA menyatakan wang hendaklah dibelanjakan bagi tujuan tertentu seperti **Jadual 5.**

JADUAL 5
PERBELANJAAN YANG DIBENARKAN SEPERTI KELULUSAN SURAT IKATAN AMANAH

KWA INSEP dan WTTP	KWA Pembelian Peralatan MISDEC
i. Yuran tenaga pengajar, elaun pelatih, bayaran untuk pengajaran dan pembelajaran; ii. Pembiayaan bahan percetakan, alat tulis, iklan dan promosi; iii. Pembayaran bil utiliti, sewa asrama, logistik, makan minum pelatih; iv. Kawalan keselamatan di asrama, gaji dan elaun kakitangan MISDEC serta pekerja kontrak; dan v. Pensijilan, pendaftaran serta yuran.	i. Membeli peralatan dan kelengkapan latihan.

Sumber: Surat Ikatan Amanah KWA INSEP dan WTTP serta KWA Pembelian Peralatan MISDEC

c. Semakan Audit terhadap Penyata Terimaan dan Bayaran bagi KWA INSEP dan WTTP serta KWA Pembelian Peralatan bagi tahun 2016 hingga 2018 mendapati jumlah baki awal adalah RM12.35 juta meliputi sejumlah RM8.02 juta bagi baki awal KWA INSEP dan WTTP serta sejumlah RM4.33 juta bagi KWA Pembelian Peralatan. Semakan Audit selanjutnya mendapati perbelanjaan KWA INSEP dan WTTP setakat 31 Disember 2018 adalah berjumlah RM2.82 juta (35.2%) dan perbelanjaan bagi KWA Pembelian Peralatan berjumlah RM0.62 juta (14.3%) menjadikan perbelanjaan keseluruhannya berjumlah RM3.44 juta (27.8%). Butiran lanjut mengenai kedudukan kewangan dan pecahan perbelanjaan bagi kedua-dua KWA adalah seperti **Jadual 6**.

JADUAL 6
KEDUDUKAN KEWANGAN KWA INSEP DAN WTTP SERTA KWA PEMBELIAN PERALATAN MISDEC BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	BAKI AWAL (RM Juta)	TERIMAAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI AKHIR (RM Juta)
KWA INSEP dan WTTP				
2016	*8.02	0	1.05	6.97
2017	6.97	0	0.64	6.33
2018	6.33	0	1.13	**5.20
JUMLAH	***8.02**	**0**	**2.82**	****5.20**
KWA Pembelian Peralatan MISDEC				
2016	*4.33	0	0.00	4.33
2017	4.33	0	0.07	4.26
2018	4.26	0	0.55	**3.71
JUMLAH	***4.33**	**0**	**0.62**	****3.71**
JUMLAH KESELURUHAN	**12.35**	**0**	**3.44**	**8.91**

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran KWA INSEP dan WTTP
Penyata Terimaan dan Bayaran KWA Pembelian Peralatan MISDEC
Nota: * - Baki Awal bagi skop pengauditan
**** - Baki Akhir bagi skop pengauditan**

d. Analisis Audit mendapati perbelanjaan KWA berkaitan pada tahun 2017 telah berlaku pengurangan sebanyak 39.0% berbanding tahun 2016 dan meningkat pada tahun 2018 sebanyak 67.2%. Pengurangan dan peningkatan ini berlaku disebabkan oleh pembiayaan yuran tenaga pengajar, elaun pelatih, bahan percetakan, alat tulis, promosi, bil-bil utiliti, sewa asrama, logistik dan makan minum pelatih bagi tahun berkenaan.

e. Analisis Audit selanjutnya dibuat terhadap perbelanjaan yang telah dilaksanakan berbanding bilangan graduan. Semakan Audit mendapati kos perbelanjaan per graduan meningkat dengan ketara iaitu dari RM10,870 kepada RM11,801 dan terus meningkat sehingga RM76,652 pada tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak 605.2%. Butiran lanjut seperti **Jadual 7**.

JADUAL 7
JUMLAH PERBELANJAAN UNTUK PEMBIAYAAN GRADUAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	BILANGAN GRADUAN	KWA INSEP DAN WTTP (RM Juta)	PURATA PEMBIAYAAN SEORANG GRADUAN (RM)
2016	97	1.05	10,870
2017	54	0.64	11,801
2018	14	*1.07	76,652
JUMLAH	**165**	**2.76**	

Sumber: ***Tracer Study*** **dan Baucar Bayaran**
Nota: * - Jumlah perbelanjaan pada tahun 2018 tidak termasuk pembelian peralatan yang menggunakan KWA INSEP dan WTTP

f. Peningkatan purata kos pembiayaan graduan adalah disebabkan faktor pengambilan pelatih yang rendah berbanding kos perbelanjaan operasi yang terpaksa ditanggung setiap tahun seperti yuran tenaga pengajar, bil utiliti, pembelian bahan pengajaran dan pembelajaran, sewa asrama serta logistik. Selain itu, yuran tenaga pengajar terlebih bayar sebanyak RM0.27 juta juga menjadi faktor peningkatan kos pembiayaan. Perbelanjaan yang semakin meningkat tinggi berbanding jumlah graduan yang semakin menurun mengakibatkan kapasiti seperti tenaga pengajar, bahan pengajaran dan pembelajaran serta logistik tidak digunakan secara optimum.

6.2.2. Perancangan PLKP

a. Perancangan Akademik

i. Perkara 6.2 Surat Ikatan Amanah bagi KWA INSEP dan WTTP menetapkan Jawatankuasa KWA memutuskan Anggaran Belanjawan Tahunan dan Anggaran Belanjawan Tambahan bagi KWA tersebut. Objektif penyediaan anggaran belanjawan adalah untuk menetapkan hala tuju perancangan sesebuah program dalam mencapai matlamatnya.

ii. Semakan Audit mendapati perancangan mengenai hala tuju pelaksanaan PLKP bagi jangka panjang tidak disediakan dan dibincangkan di dalam mesyuarat KWA oleh UPEN. Pelaksanaan PLKP adalah berdasarkan Jadual Perancangan Akademik yang disediakan oleh MISDEC sahaja. Namun begitu, semakan Audit selanjutnya terhadap Jadual Perancangan Akademik mendapati pengambilan pelatih yang disasarkan pada setiap siri pengambilan adalah berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh *NOSS* iaitu seramai 25 orang pelatih bagi setiap sesi pembelajaran.

iii. Semakan Audit juga mendapati pelaksanaan program tersebut hanya menggunakan keputusan mesyuarat KWA dan surat Kerajaan Persekutuan berkaitan pembukaan akaun kumpulan wang amanah sahaja tanpa melibatkan sebarang kontrak atau perjanjian dengan MISDEC.

iv. Ketiadaan dokumen kontrak atau perjanjian rasmi serta ketiadaan perancangan hala tuju program menyukarkan UPEN untuk mengawal perancangan, pelaksanaan dan pemantauan PLKP supaya selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran dalam memenuhi kehendak industri.

b. Penyediaan Tenaga Pengajar

i. Pengambilan tenaga pengajar di MISDEC adalah berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh *NOSS* antaranya perlu mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Operasi Latihan Vokasional daripada Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam bidang yang berkaitan. Selain itu,

NOSS juga menetapkan nisbah maksima adalah seorang (1) tenaga pengajar kepada 25 orang pelatih bagi setiap program.

ii. Semakan Audit mendapati jumlah tenaga pengajar pada tahun 2016 adalah sembilan (9) orang manakala, jumlah tenaga pengajar adalah tujuh (7) orang pada tahun 2017 dan tahun 2018. Didapati kesemua tenaga pengajar di MISDEC mempunyai Sijil CIAST serta SKM dalam bidang yang berkaitan.

iii. Analisis perbandingan Audit di antara bilangan tenaga pengajar dengan jumlah kemasukan pelatih mendapati pada tahun 2016, sembilan (9) orang tenaga pengajar telah digunakan secara optimum kerana terdapat sembilan (9) siri pengambilan pada tahun tersebut. Manakala pada tahun 2017 dan tahun 2018 terdapat lebihan tenaga pengajar masing-masing satu (1) dan dua (2) orang pada tempoh berkenaan akibat daripada kekurangan siri pengambilan pelatih. Kekurangan publisiti mengenai PLKP oleh UPEN dan MISDEC turut menyumbang kepada kebolehgunaan tenaga pengajar yang tidak optimum dan meningkatkan kos perbelanjaan operasi yang seterusnya meningkatkan perbelanjaan per graduan.

Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 13 Jun 2019

UPEN telah mengeluarkan surat bertarikh 21 Mei 2019 kepada MISDEC supaya melantik peguam atau pengamal undang-undang bertauliah untuk menyediakan draf perjanjian sebelum 22 Jun 2019. Perjanjian tersebut akan diteliti dan disemak oleh Penasihat Undang-undang Negeri Melaka terlebih dahulu sebelum ianya ditandatangani.

Pada pendapat Audit, ketiadaan perancangan yang jelas serta hala tuju dan ketiadaan perjanjian formal di antara Kerajaan dan MISDEC menyukarkan Kerajaan untuk memastikan objektif PLKP dapat dicapai sepenuhnya.

6.2.3. Keperluan Peralatan dan Bahan Latihan

a. Mengikut Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentauliahan di bawah Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia berasaskan *NOSS* tahun 2012, terdapat syarat kelayakan tertentu untuk mendapat pentauliahan JPK. Antaranya MISDEC dikehendaki menyedia dan memastikan kuantiti, peralatan dan bahan latihan mencukupi mengikut bilangan pelatih. Selain itu, Perkara 4.5.2 (a) di dalam *NOSS* juga menetapkan supaya peralatan latihan berfungsi dengan baik dan selamat digunakan oleh pelatih.

b. Semakan Audit bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 mendapati UPEN telah membelanjakan sebanyak RM0.76 juta untuk perolehan peralatan latihan menggunakan peruntukan KWA INSEP dan WTTP serta KWA Pembelian Peralatan. Semakan Audit selanjutnya mendapati perolehan peralatan latihan pada tahun 2017 adalah berjumlah RM0.07 juta dan RM0.69 juta bagi tahun 2018. Manakala pada tahun 2016 tiada perolehan peralatan latihan yang dilakukan oleh UPEN. Perolehan peralatan bagi tempoh tersebut adalah meliputi peralatan mekanikal, peralatan dan kelengkapan ICT, bahan rujukan, bahan guna habis dan perabot. Butiran lanjut seperti **Jadual 8** dan **Gambar 1** hingga **Gambar 4**.

JADUAL 8
PERBELANJAAN PEMBELIAN PERALATAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

BIL.	BUTIRAN	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
		2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	
KWA INSEP dan WTTP					
1.	Pembayaran pembekalan *Basic Hydraulic Training Kit* dan Set Kimpalan	0	0	0.15	**0.15**
JUMLAH		**0**	**0**	**0.15**	**0.15**
KWA Pembelian Peralatan					
1.	Pembayaran pembekalan meja dan kerusi komputer	0	0.03	0	**0.03**
2.	Pembayaran pembekalan bahan guna habis Unit *Technical And Vocational Education And Training* (TVET)	0	0.04	0	**0.04**
3.	Pembayaran pembekalan, penghantaran, memasang dan selenggara peralatan ICT	0	0	0.40	**0.40**
4.	Pembayaran pembekalan bahan rujukan Unit TVET	0	0	0.01	**0.01**
5.	Pembayaran pembekalan, penghantaran, memasang peralatan mekanikal	0	0	0.13	**0.13**
JUMLAH		**0**	**0.07**	**0.54**	**0.61**
JUMLAH KESELURUHAN		**0**	**0.07**	**0.69**	**0.76**

Sumber: Baucar Bayaran

GAMBAR 1



Makmal ICT, MISDEC
- Peralatan ICT
(14.12.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Makmal ICT, MISDEC
- Bahan Guna Habis
(14.12.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



Makmal ICT, MISDEC
- *Disc Cutter* (Peralatan Mekanikal)
(14.12.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Makmal ICT, MISDEC
- *Cordless Jigsaw*
(14.12.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

c. Semakan Audit mendapati perolehan peralatan latihan adalah mengikut bilangan pelatih yang disasarkan seperti yang ditetapkan oleh JPK. Bilangan keseluruhan unit peralatan latihan yang diperoleh bagi tempoh tahun tersebut adalah berjumlah 4,488 unit. Peralatan latihan berkenaan telah diterima pada 30 November 2017 hingga 13 Jun 2018. Semakan Audit mendapati selepas bulan Disember 2017 terdapat seramai 43 orang pelatih yang terdiri 14 orang pelatih (Kumpulan 50) daripada pengambilan tahun 2017 dan 29 orang pelatih daripada dua (2) kumpulan pengambilan tahun 2018. Pengambilan pelatih pada tahun 2018 terdiri daripada dua (2) kumpulan masing-masing 15 orang pelatih bagi Kumpulan 51 dan 14 orang pelatih bagi Kumpulan 52.

d. Analisis Audit secara perbandingan di antara pengambilan dan sasaran pengambilan pelatih mendapati terdapat kekurangan pengambilan pelatih oleh MISDEC berbanding jumlah peralatan yang dibeli. Kekurangan atau kegagalan mencapai sasaran pengambilan pelatih menyebabkan 4,488 unit peralatan latihan berkenaan tidak dapat digunakan pada tahap yang optimum. Pemeriksaan Audit terhadap peralatan latihan tersebut mendapati 3,884 daripada 4,488 unit atau

86.5% peralatan latihan yang diperoleh pada tahun 2017 dan 2018 belum digunakan oleh MISDEC seperti tujuan perolehan peralatan berkenaan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 9** dan **Gambar 5** hingga **Gambar 10**.

JADUAL 9
SENARAI PEROLEHAN PERALATAN LATIHAN
DAN STATUS PENGGUNAAN BAGI TAHUN 2017 DAN 2018

BIL.	NAMA PERALATAN LATIHAN	KUANTITI (Unit)	JUMLAH KESELURUHAN (RM Juta)	PENGGUNAAN	
				BIL. DIGUNAKAN (Unit)	BIL.TIDAK DIGUNAKAN (Unit)
Perolehan Tahun 2018					
1.	Peralatan komputer dan kelengkapan ICT	42	0.40	32	10
2.	Peralatan mekanikal	1,140	0.28	16	1,124
JUMLAH KESELURUHAN TAHUN 2018		**1,182**	**0.68**	**48**	**1,134**
Perolehan Tahun 2017					
1.	Perabot	68	0.03	68	0
2.	Bahan guna habis	3,238	0.04	488	2,750
JUMLAH KESELURUHAN TAHUN 2017		**3,306**	**0.07**	**556**	**2,750**
JUMLAH KESELURUHAN		**4,488**	**0.75**	**604**	**3,884**

Sumber: Baucar Bayaran

GAMBAR 5



Stor, MISDEC
Kelengkapan ICT- *Projector*
Tidak Digunakan Masih Berada di Dalam Stor
(14.12.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6




Stor, MISDEC
- *Common Ring Spanner*
Masih Berada di Dalam Kotak dan Tidak Digunakan
(14.12.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 7



Stor, MISDEC
- *Bow Saw* Masih Berada di Dalam Kotak dan Tidak Digunakan
(14.12.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8




Bengkel *Hydraulic*, MISDEC
- *Hydraulic Training Kit* (Peralatan Mekanikal) Tidak Digunakan
(14.12.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 9



Bengkel Fabrikasi, MISDEC
- Circular Saw
Masih Berada di Dalam Kotak dan Tidak Digunakan
(14.12.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 10



Bengkel Fabrikasi, MISDEC
- Disc Cutter
Masih Berada di Dalam Kotak dan Tidak Digunakan
(14.12.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

e. Berdasarkan minit mesyuarat KWA INSEP dan WTTP Bilangan 3 Tahun 2018 MISDEC memaklumkan pembelian peralatan ini merupakan suatu keperluan bagi memenuhi syarat *NOSS* yang ditetapkan oleh JPK. Peralatan latihan yang tidak digunakan secara optimum menunjukkan kelemahan dari aspek perancangan perolehan yang sepatutnya mengambil kira sasaran pengambilan pelatih.


f. Semakan Audit selanjutnya mendapati pembekalan 894 unit peralatan elektrik yang bernilai RM0.59 juta yang dibeli pada bulan Ogos 2009 adalah bagi memenuhi kehendak pelaksanaan Kursus *Electrical Chargeman* Kategori AO-A1. Pemeriksaan Audit bersama MISDEC pada 14 Januari 2019 mendapati sejumlah 214 unit peralatan yang ditempatkan di Bengkel Jentera Elektrik masih tidak digunakan. Manakala, baki 680 unit peralatan yang bernilai RM0.24 juta tidak dapat dikesan oleh MISDEC seperti peralatan motor elektrik, *hand tools* serta *measurement and testing equipment*. Antara butiran peralatan elektrik yang tidak digunakan seperti **Gambar 11** hingga **Gambar 14**.

GAMBAR 11



Bengkel Jentera Elektrik, MISDEC
- *Capacitive Loading Unit*
yang Tidak Digunakan
(14.1.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 12



Bengkel Jentera Elektrik, MISDEC
- *Inductive Loading Unit*
yang Tidak Digunakan
(14.1.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 13



Bengkel Jentera Elektrik, MISDEC
- *Motor Electric AC 11 kilo watts*
Terbiar Selama 10 Tahun
(14.1.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 14



Bengkel Jentera Elektrik, MISDEC
- *Vise Bench* Tidak Digunakan
(14.1.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 26 April 2019

Pihak UPEN melalui MISDEC akan mengesahkan sama ada peralatan tersebut masih boleh digunakan atau sebaliknya untuk digunakan dalam Kursus *Chargeman*. Perkara ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat KWA yang akan datang.

Pada pendapat Audit, perolehan peralatan dan bahan latihan yang dibeli untuk memenuhi kehendak JPK perlu dirancang dengan teliti selaras dengan rancangan pengambilan pelatih. Ini bagi memastikan semua peralatan tersebut dapat digunakan secara optimum dan mengelakkan daripada berlaku pembaziran.

6.2.4. Pengurusan Kewangan

Mekanisma pengagihan perbelanjaan mengurus oleh UPEN adalah berdasarkan tuntutan bayaran balik daripada MISDEC. Manakala perbelanjaan perolehan peralatan dilaksanakan oleh UPEN berdasarkan

keputusan mesyuarat KWA. Bagi tahun 2016 hingga 2018 perbelanjaan KWA keseluruhannya berjumlah RM3.44 juta melibatkan perbelanjaan mengurus dan perolehan peralatan. Semakan Audit terhadap pengurusan kewangan pelaksanaan PLKP mendapati perkara berikut:

a. Dokumen Tuntutan Tidak Lengkap

i. Surat Ikatan Amanah menetapkan supaya pengawalan dan pengurusan KWA INSEP dan WTTP adalah mematuhi peraturan kewangan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa. Mengikut Arahan Perbendaharaan 99 (a), semua bayaran hendaklah disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap mengenai tiap-tiap satu perkhidmatan, bekalan atau kerja tanpa merujuk kepada apa-apa dokumen selain daripada yang dikembarkan padanya.

ii. Semakan Audit bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 mendapati UPEN telah membuat bayaran berkaitan perbelanjaan yang dibenarkan seperti tuntutan bayaran yuran, elaun dan sewaan bagi menjalankan kursus INSEP dan WTTP berjumlah RM2.82 juta. Pembayaran ini dilaksanakan berdasarkan enam (6) bayaran yang telah dibuat kepada MISDEC. Semakan Audit selanjutnya mendapati dua (2) daripada enam (6) pembayaran tersebut yang berjumlah RM1.05 juta tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap. Butiran lanjut seperti **Jadual 10.**

JADUAL 10
BAUCAR TUNTUTAN TIADA DOKUMEN SOKONGAN

BIL.	NOMBOR BAUCAR	TARIKH BAUCAR	PERIHAL	DOKUMEN/ MAKLUMAT TIDAK LENGKAP	JUMLAH (RM Juta)
1	V0001686	08.03.2016	Tuntutan Bayaran Yuran, Elaun, Sewaan, Jamuan dan Program Kursus INSEP dan WTTP	• Senarai Nama dan Yuran Tenaga Pengajar • Senarai Pelatih Berjaya Menamatkan Kursus • Bil Pembelian Bahan Pengajaran dan Pembelajaran • Bil Makanan dan Minuman Pelatih	0.61
2	V0008607	29.09.2016			0.44
JUMLAH					**1.05**

Sumber: Baucar Bayaran

iii. Dokumen yang tidak dikemukakan adalah seperti senarai nama dan yuran tenaga pengajar, senarai pelatih yang berjaya menamatkan

kursus serta bil-bil yang terlibat sepanjang tempoh kursus. Hal ini berlaku disebabkan keperluan untuk MISDEC menyediakan dokumen sokongan tidak ditetapkan oleh UPEN dan Unit Kewangan, Jabatan Ketua Menteri Melaka. Pembayaran berdasarkan dokumen yang tidak lengkap adalah *improper payment* yang boleh mengakibatkan berlaku lebihan tuntutan atau pembayaran yang tidak dibenarkan melalui KWA tersebut.

b. Yuran Tenaga Pengajar Terlebih Bayar

i. Mengikut Para 11.1, Surat Ikatan Amanah KWA INSEP dan WTTP menetapkan KWA hendaklah dibelanjakan untuk tujuan yuran tenaga pengajar. Bayaran ini juga termasuk yuran tenaga pengajar untuk program industri jangka pendek.

ii. Semakan Audit terhadap jumlah keseluruhan perbelanjaan MISDEC bagi bayaran gaji tenaga pengajar bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Mei 2018 adalah berjumlah RM0.79 juta. Daripada jumlah tersebut RM0.51 juta untuk tahun 2016, RM0.2 juta untuk tahun 2017 dan RM0.08 juta untuk bulan Januari hingga Mei 2018.

iii. Semakan Audit selanjutnya terhadap tuntutan bayaran gaji oleh MISDEC kepada UPEN untuk tahun 2016 adalah berjumlah RM0.51 juta dan telah dijelaskan sepenuhnya oleh UPEN. Namun begitu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan perkiraan bayaran gaji tersebut memandangkan baucar bayaran tidak mempunyai dokumen sokongan yang lengkap, kakitangan yang bertanggungjawab telah meletakkan jawatan dan ketiadaan rekod terperinci di dalam simpanan MISDEC. Semakan Audit terhadap Laporan Bayaran Gaji Tenaga Pengajar yang dikeluarkan oleh MISDEC mendapati jumlah keseluruhan bayaran gaji tenaga pengajar pada tahun 2016 adalah berjumlah RM0.24 juta sahaja iaitu wujud risiko lebihan bayaran sejumlah RM0.27 juta kepada MISDEC. Sehingga pengauditan dijalankan, UPEN masih tidak membuat tuntutan bayaran balik daripada MISDEC.

Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 13 Jun 2019

Pihak UPEN memaklumkan terdapat kesilapan dalam tuntutan pada tahun 2016 yang menyebabkan lebihan bayaran pada tuntutan

tahun tersebut. Kelemahan ini telah diatasi dengan menyediakan garis panduan berkaitan dokumentasi tuntutan bayaran bermula tahun 2017 dan seterusnya. Surat tuntutan bayaran balik telah dihantar kepada MISDEC pada 24 April 2019. Tuntutan bayaran balik terhadap lebihan bayaran gaji tersebut akan dibuat secara kontra dengan tuntutan tahun 2019.

c. Pembelian *Hydraulic Training Kit* Tanpa Kelulusan

i. Minit Mesyuarat KWA Pembelian Peralatan MISDEC Bilangan 2 Tahun 2016 menyatakan sebarang permohonan pembelian peralatan dan perkakasan hendaklah diangkat kepada pertimbangan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) yang merupakan Pegawai Pengawal KWA. Selain itu, minit Mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2016 menyatakan semua perolehan yang dibuat oleh MISDEC perlu mengikut tatacara prosedur kewangan yang berkuat kuasa dan perlu melibatkan kehadiran wakil Kerajaan Negeri. Selain itu, Arahan Perbendaharaan 176.1 (c) menyatakan Jabatan hendaklah mengadakan satu kontrak formal bagi perolehan bekalan/perkhidmatan bermasa atau perolehan kerja, yang mana berkenaan walaupun perolehan bernilai kurang daripada RM50,000.

ii. Semakan Audit mendapati pelaksanaan perolehan *Hydraulic Training Kit* berjumlah RM0.05 juta tidak mengikut prosedur perolehan KWA di mana perolehan tersebut perlu diluluskan terlebih dahulu oleh mesyuarat Jawatankuasa KWA. Bagaimanapun, perolehan ini telah dilaksanakan lebih awal oleh MISDEC sebelum memperoleh kelulusan daripada Jawatankuasa KWA dan tidak melibatkan wakil Kerajaan Negeri. Selain itu, didapati tiada dokumen kontrak ditandatangani di antara MISDEC dan pembekal. Namun, UPEN telah membuat pembayaran ke atas tuntutan perolehan tersebut pada bulan Mac dan April tahun 2018.

iii. Semakan Audit terhadap baucar bayaran yang disertakan, pembelian adalah melibatkan sebanyak lima (5) unit yang diperoleh secara sewa beli dengan nilai RM0.14 juta. Berdasarkan minit mesyuarat KWA INSEP dan WTTP Bilangan 3 Tahun 2018, pihak MISDEC memaklumkan pembelian peralatan ini dilaksanakan dengan segera kerana ianya merupakan suatu keperluan bagi memperbaharui

kelulusan pentauliahan terhadap kursus yang dijalankan berasaskan *NOSS*.

Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 26 April 2019

Berdasarkan minit mesyuarat KWA INSEP dan WTTP Bilangan 3 Tahun 2018, mesyuarat bersetuju untuk meluluskan tuntutan bagi bulan Januari hingga Mei 2018. Ini termasuk tuntutan pembayaran pembelian *Hydraulic Training Kit* dengan syarat pihak MISDEC mengemukakan dokumen-dokumen sebut harga bagi pembelian *Hydraulic Training Kit* untuk dilampirkan bersama tuntutan dalam bulan April.

Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan bagi pelaksanaan program PLKP adalah tidak memuaskan yang menyebabkan wujud lebihan bayaran kerana kelulusan dilaksanakan tanpa dokumen sokongan yang lengkap. Di samping itu, perolehan yang dilaksanakan juga tidak mengikut tatacara prosedur kewangan. Ini boleh menyebabkan risiko pembaziran serta menjejaskan kepentingan Kerajaan.

6.2.5. Pemantauan

a. Mengikut surat arahan Kementerian Kewangan bertarikh 9 Mei 2007, semua Pusat Pembangunan Kemahiran (SDC) perlu memberi laporan perbelanjaan dan kemajuan kursus yang dijalankan secara suku tahunan kepada UPEN dan salinan dihantar kepada Perbendaharaan, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

b. Semakan Audit mendapati MISDEC tidak mengemukakan laporan perbelanjaan dan kemajuan kursus yang dijalankan secara suku tahunan kepada UPEN seperti surat arahan tersebut. Perkara ini disebabkan UPEN tidak memaklumkan kepada MISDEC perkara berkenaan dan tiada syarat atau perjanjian di antara UPEN dan MISDEC bagi memastikan pelaksanaan perkara tersebut. Ketiadaan laporan perbelanjaan dan kemajuan kursus tersebut menyebabkan UPEN tidak dapat membuat pemantauan terhadap PLKP dan memaklumkan status terkini program tersebut kepada agensi yang telah ditetapkan.

Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 26 April 2019

Perjanjian antara UPEN dan MISDEC akan disediakan dan akan memasukkan keperluan untuk MISDEC mengemukakan laporan perbelanjaan dan kemajuan kursus yang dijalankan secara suku tahunan kepada UPEN dan salinan dihantar kepada Perbendaharaan, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Pada pendapat Audit, kelemahan dalam pemantauan terhadap PLKP menyukarkan program dilaksanakan secara berkesan. Di samping itu, ia juga menyebabkan berlakunya perbelanjaan yang tidak optimum dan pembaziran.

6.2.6. Maklum Balas Kualiti Perkhidmatan

a. Pihak Audit telah menjalankan soal selidik bertujuan menilai tahap kualiti layanan dan perkhidmatan di pejabat pentadbiran, tenaga pengajar serta kemudahan dan infrastruktur yang disediakan. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 25 orang pelatih dan kesemua borang telah dikembalikan.

b. Hasil analisis borang soal selidik mendapati 18 orang (72.0%) pelatih bersetuju dengan perkhidmatan di pejabat pentadbiran adalah mesra, sedia membantu menyelesaikan masalah serta profesional dan 24 orang (96.0%) pelatih bersetuju dengan kemudahan pembelajaran seperti bilik kuliah, makmal dan bengkel adalah mencukupi dan selamat digunakan. Selain itu, 22 orang (88.0%) pelatih berpendapat tenaga pengajar sentiasa memberi bantuan dan mudah dihubungi. Manakala 20 orang (80.0%) pelatih bersetuju dengan kemudahan yang disediakan di MISDEC adalah baik dan selesa seperti perpustakaan, kantin, surau dan lain-lain. Berdasarkan maklum balas juga didapati kesemua pelatih berasa bangga menjadi pelatih MISDEC dan akan mengesyorkan kepada orang luar untuk mendapatkan latihan PLKP di MISDEC. Bagaimanapun, pelatih telah mengesyorkan supaya MISDEC menjalankan pelbagai aktiviti seperti sukan dalaman bagi menarik minat pelatih untuk menjalani latihan di MISDEC.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan mulai bulan November 2018 hingga Februari 2019 merumuskan bahawa PLKP yang dilaksanakan tidak mencapai objektif sepenuhnya dalam melahirkan graduan yang mencapai kebolehpasaran pekerjaan. Sebanyak 49.7% daripada jumlah pelatih yang berjaya menamatkan latihan telah mendapat pekerjaan. Di samping itu, ketiadaan perjanjian formal pengurusan MISDEC dan kelemahan pengurusan kewangan menyebabkan tahap kecekapan dan keberkesanan program sukar dicapai.

8. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi masalah kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan UPEN mengambil tindakan seperti berikut:

8.1. menyediakan satu perjanjian yang formal dengan MISDEC bagi menentukan hala tuju yang jelas mengenai pelaksanaan PLKP selaras dengan kehendak Kerajaan di samping menetapkan obligasi berkaitan pematuhan prosedur kewangan, penyediaan perancangan dan pelaksanaan program;

8.2. mengambil langkah proaktif untuk membuat hebahan kepada masyarakat berkaitan kursus PLKP yang ditawarkan; dan

8.3. menjalankan siasatan berhubung wujudnya risiko lebihan bayaran tenaga pengajar serta peralatan yang tidak dapat dikesan.

BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI) JABATAN/AGENSI NEGERI

1 PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)

1. PENDAHULUAN

1.1. Pengurusan kewangan sesebuah organisasi adalah merangkumi proses perancangan, pelaksanaan, penyelarasan, pengawalan, pemantauan dan penilaian. Proses ini perlu dilaksanakan berdasarkan dua (2) prinsip utama iaitu legaliti dan akauntabiliti. Ini bermaksud seseorang pegawai yang diberi kuasa untuk menguruskan sumber awam perlu melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan penuh dedikasi serta mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Pegawai tersebut juga bertanggungjawab untuk melaporkan pencapaiannya kepada pegawai yang mewakilkan kuasa.

1.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan pengurusan kewangan selaras dengan Seksyen 5 dan Seksyen 6 Akta Audit 1957. Pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pengauditan ini membolehkan Jabatan Audit Negara menilai prestasi pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit dan memberi pandangan bagi menambah baik pengurusan kewangannya.

1.3. Pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi setiap elemen kawalan utama diberikan markah bagi tujuan penarafan. Jabatan/Agensi Negeri yang mendapat tahap penarafan yang **Cemerlang** boleh dijadikan sebagai tanda aras kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain. Secara umumnya, penarafan sesebuah Jabatan/Agensi Negeri diberi berdasarkan markah keseluruhan seperti **Jadual 1.**

JADUAL 1
PEMARKAHAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

MARKAH KESELURUHAN (%)	TAHAP	PENARAFAN
90 hingga 100	Cemerlang	★★★★★
80 hingga 89.9	Baik	★★★★
70 hingga 79.9	Memuaskan	★★★
60 hingga 69.9	Kurang Memuaskan	★★
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	★

1.4. Penetapan Risiko Terhadap Kriteria Audit

a. Risiko adalah kebarangkalian berlakunya perkara-perkara yang tidak sepatutnya atau berlaku ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan yang memberi impak kepada pengurusan kewangan. Tujuan analisis risiko dan impak dilakukan terhadap isu/penemuan Audit adalah untuk memaklumkan kepada Jabatan/Agensi Negeri mengenai tahap keseriusan sesuatu isu/penemuan.

b. Ketidakpatuhan terhadap penemuan boleh menjadi indikator kepada kelemahan pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri serta membantu pihak pengurusan atasan mengambil tindakan susulan. Skala pemarkahan bagi setiap kriteria yang diaudit dikategorikan kepada tiga (3) tahap risiko seperti **Jadual 2**.

JADUAL 2
SKALA PEMARKAHAN BERDASARKAN TAHAP RISIKO

SKALA	TAHAP RISIKO	KETERANGAN
3	Tinggi	Ketidakpatuhan yang memberi impak besar kepada kawalan dalaman organisasi serta boleh mengakibatkan berlakunya pemborosan, pembaziran, kehilangan dan penyelewengan.
2	Sederhana	Ketidakpatuhan yang memberi impak sederhana kepada pengurusan kewangan dan boleh menjejaskan operasi organisasi dalam jangka panjang.
1	Rendah	Ketidakpatuhan yang memberi impak kecil kepada pengurusan kewangan dan tidak menjejaskan operasi organisasi.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan terhadap pengurusan kewangan telah dijalankan bagi tujuan berikut:

2.1. menilai wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;

2.2. menilai wujudnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan kewangan;

2.3. menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan

2.4. menentukan sama ada rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Bagi Jabatan Negeri, semakan Audit merangkumi lapan (8) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Transaksi yang disemak meliputi tempoh bulan Januari sehingga Disember 2018 melibatkan enam (6) Jabatan.

3.2. Bagi Agensi Negeri penilaian dibuat terhadap sembilan (9) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor; Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Pengauditan telah dijalankan di empat (4) Agensi dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2018 serta penyata kewangan Agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

4.1. Pengauditan dijalankan berpandukan Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Berdasarkan Risiko yang disediakan berasaskan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) yang diterima pakai oleh negara anggota *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI).

4.2. Semakan rekod dan dokumen serta pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah diadakan bagi mengesahkan maklumat yang diperoleh dan memperkukuhkan ketepatan penemuan Audit.

5. PENEMUAN AUDIT

5.1. Prestasi Keseluruhan


a. Bagi tahun 2018, pengauditan telah dilaksanakan terhadap 10 Jabatan/Agensi Negeri Melaka seperti **Jadual 3**.

JADUAL 3
SENARAI AGENSI/JABATAN YANG DIAUDIT

BIL.	JABATAN/AGENSI
JABATAN	
1.	Jabatan Ketua Menteri Melaka
2.	Jabatan Kerja Raya Melaka
3.	Mahkamah Syariah Negeri Melaka
4.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Melaka
5.	Jabatan Agama Islam Melaka
6.	Jabatan Pertanian Negeri Melaka
AGENSI	
7.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka
9.	Yayasan Melaka
10.	Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka

b. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di 10 Jabatan/Agensi Negeri Melaka bagi tahun kewangan 2018 menunjukkan enam (6) Jabatan/Agensi mencapai pada tahap **Baik**, dua (2) Jabatan berada di tahap **Memuaskan** dan dua (2) Agensi **Kurang Memuaskan.** Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi secara keseluruhan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1**.


CARTA 1
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI MELAKA BAGI TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

Pencapaian tahap prestasi pengurusan kewangan bagi 10 Jabatan/Agensi yang dinilai pada tahun 2018 adalah seperti **Carta 2.**

CARTA 2
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI MELAKA TAHUN 2018




Sumber: Jabatan Audit Negara

5.2. Prestasi Jabatan/Agensi Negeri Mengikut Kawalan

Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2018 mengikut elemen kawalan bagi enam (6) Jabatan Negeri mendapati dua (2) daripada lapan (8) kawalan berada pada tahap **Baik,** empat (4) kawalan berada pada tahap **Memuaskan,** satu (1) kawalan berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dan satu (1) kawalan **Tidak Memuaskan** seperti **Carta 3**.


CARTA 3
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN NEGERI BAGI TAHUN 2018 MENGIKUT ELEMEN KAWALAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2018 mengikut elemen kawalan bagi empat (4) Agensi Negeri pula mendapati lima (5) daripada sembilan (9) kawalan berada pada tahap **Baik** dan masing-masing dua (2) kawalan berada pada tahap **Memuaskan** dan **Kurang Memuaskan** seperti **Carta 4**.

CARTA 4
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
AGENSI NEGERI BAGI TAHUN 2018 MENGIKUT ELEMEN KAWALAN




Sumber: Jabatan Audit Negara

a. Kawalan Pengurusan

i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, tiga (3) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang,** satu (1) Jabatan berada pada tahap **Baik** dan dua (2) Jabatan berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dalam elemen Kawalan Pengurusan. Bagi Agensi Negeri, satu (1) Agensi mencapai tahap **Cemerlang,** satu (1) Agensi berada pada tahap **Baik,** satu (1) Agensi berada pada tahap **Memuaskan** dan satu (1) Agensi berada pada tahap **Tidak Memuaskan.** Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Pengurusan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 5**.


CARTA 5
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018



Sumber: Jabatan Audit Negara

ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 27 kriteria dalam Kawalan Pengurusan bagi enam (6) Jabatan adalah seperti **Carta 6.**


CARTA 6
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN JABATAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 51 kriteria dalam Kawalan Pengurusan bagi empat (4) Agensi adalah seperti **Carta 7**.

CARTA 7
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN AGENSI



Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 4**.

JADUAL 4
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		JABATAN	AGENSI
1.	Pemeriksaan Mengejut hanya dilaksanakan sekali sahaja oleh Ketua Jabatan terhadap peti besi, peti wang tunai, laci dan lain-lain barang berharga.	i. Jabatan Kerja Raya Melaka ii. Jabatan Agama Islam Melaka	i. Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka
2.	Pemeriksaan mengejut berkenaan tidak dijalankan secara menyeluruh.	i. Jabatan Agama Islam Melaka ii. Jabatan Pertanian Negeri Melaka	i. Yayasan Melaka
3.	Pegawai tidak menghadiri kursus/latihan atau kursus/latihan diberi tidak berkaitan dengan tugas yang dilaksanakan.	i. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Melaka	i. Yayasan Melaka ii. Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka
4.	Pusingan tugas tidak dilaksanakan.	i. Jabatan Kerja Raya Melaka ii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Melaka	i. Yayasan Melaka
5.	Penurunan kuasa secara bertulis tidak dikemaskini dan tidak disediakan bagi pegawai-pegawai yang dilantik.	i. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Melaka ii. Jabatan Pertanian Negeri Melaka	i. Yayasan Melaka ii. Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka

Sumber: Jabatan Audit Negara

v. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh Jabatan/Agensi adalah seperti berikut:

- **Pemeriksan Mengejut Dilaksanakan Tidak Mengikut Tempoh dan Tidak Dijalankan Secara Menyeluruh**

  Mengikut AP 309, Ketua Jabatan hendaklah mengadakan Pemeriksaan Mengejut secara berkala dan tidak kurang daripada sekali dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh terakhir pemeriksaan itu dijalankan, ke atas peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain untuk menyimpan wang awam dan barang berharga.

  Sebanyak dua (2) Jabatan dan satu (1) Agensi tidak menjalankan pemeriksaan mengejut mengikut tempoh yang ditetapkan, iaitu Jabatan Kerja Raya Melaka, Jabatan Agama Islam Melaka dan Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka. Selain itu, tiada bukti menunjukkan pemeriksaan mengejut dibuat ke atas kad *Touch N Go*, terimaan hasil tunai dan lain-lain barang berharga di Jabatan Agama Islam Melaka, Jabatan Pertanian Negeri Melaka dan Yayasan Melaka.

- **Pusingan Tugas Tidak Dilaksanakan**

  Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan Ketua Jabatan bertanggungjawab membangunkan sumber manusia supaya berpotensi dan berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi. Matlamat ini boleh dicapai melalui perancangan dan pelaksanaan pusingan tugas mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang.

  Sebanyak dua (2) Jabatan dan satu (1) Agensi iaitu Jabatan Kerja Raya Melaka, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Melaka dan Yayasan Melaka tidak melaksanakan pusingan tugas ke atas empat (4) hingga lima (5) kakitangan yang terlibat dengan tugas kewangan. Tempoh terakhir pusingan tugas dilaksanakan adalah antara lima (5) hingga 13 tahun.

- **Penurunan Kuasa Secara Bertulis Tidak Disediakan/Dikemas Kini**


  Seksyen 15A(2) Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan 11 dan 200.1 serta Akta Kontrak Kerajaan menghendaki semua pegawai yang terlibat dengan pengurusan bajet, terimaan, perbelanjaan, perolehan, amanah, aset dan stor diberi kuasa secara bertulis. Arahan Perbendaharaan 69 dan 101 pula menghendaki penurunan kuasa secara khusus diberikan kepada pegawai yang terlibat dalam urusan kutipan dan bayaran.

  Sebanyak dua (2) Jabatan dan dua (2) Agensi iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Melaka, Jabatan Pertanian Negeri Melaka, Yayasan Melaka dan Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka tidak mengeluarkan surat penurunan kuasa kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan. Antaranya tiada penurunan kuasa bagi menandatangani pesanan tempatan, menandatangani resit, lantikan sebagai Lembaga Pemeriksa Aset dan Stor serta Ahli Jawatankuasa Sebut Harga. Selain itu, surat penurunan kuasa juga tidak dikemas kini dari semasa ke semasa apabila berlaku perubahan pegawai pengawal atau perubahan gred pegawai.

b. Kawalan Bajet

i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, enam (6) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang.** Bagi Agensi Negeri, 2 Agensi mencapai tahap **Cemerlang,** satu (1) Agensi berada pada tahap **Kurang Memuaskan dan** satu (1) Agensi berada pada tahap **Tidak Memuaskan**. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Bajet bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 8**.


CARTA 8
PENCAPAIAN KAWALAN BAJET JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018



Sumber: Jabatan Audit Negara

ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria dalam Kawalan Bajet bagi enam (6) Jabatan adalah seperti **Carta 9**.


CARTA 9
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN BAJET JABATAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap sembilan (9) kriteria dalam Kawalan Bajet bagi empat (4) Agensi Negeri adalah seperti **Carta 10**.

CARTA 10
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN BAJET AGENSI




Sumber: Jabatan Audit Negara

c. Kawalan Terimaan

i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, tiga (3) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang,** satu (1) Jabatan berada pada tahap **Baik** dan dua (2) Jabatan berada pada tahap **Memuaskan.** Bagi Agensi Negeri, dua (2) Agensi mencapai tahap **Cemerlang** dan satu (1) Agensi berada pada tahap **Baik** dan satu (1) Agensi berada pada tahap **Kurang Memuaskan.** Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Terimaan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 11**.


CARTA 11
PENCAPAIAN KAWALAN TERIMAAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018



Sumber: Jabatan Audit Negara

ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 36 kriteria dalam Kawalan Terimaan bagi enam (6) Jabatan adalah seperti **Carta 12**.


CARTA 12
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN TERIMAAN JABATAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria dalam Kawalan Terimaan bagi empat (4) Agensi adalah seperti **Carta 13.**

CARTA 13
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN TERIMAAN AGENSI



Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 5**.

JADUAL 5
KELEMAHAN DALAM KAWALAN TERIMAAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		JABATAN	AGENSI
1.	Daftar Mel tidak disemak setiap hari dengan Buku Tunai oleh Pegawai Penyelia	i. Jabatan Kerja Raya Melaka ii. Mahkamah Syariah Negeri Melaka iii. Jabatan Agama Islam Melaka iv. Jabatan Pertanian Negeri Melaka	i. Yayasan Melaka

Sumber: Jabatan Audit Negara


v. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh Jabatan/Agensi adalah seperti berikut:

- Arahan Perbendaharaan 71(e) menjelaskan Daftar Mel hendaklah diperiksa dan disemak setiap hari dengan Buku Tunai oleh Pegawai Penyelia dengan menurunkan tandatangan ringkas. **Daftar Mel tidak disemak setiap hari dengan Buku Tunai oleh Pegawai Penyelia di empat (4) Jabatan dan satu (1) Agensi seperti Jadual 5. Ketidakpatuhan ini memberi kesan terdedah kepada kehilangan wang awam dan meningkatkan risiko salah laku dan salah guna kuasa.**

d. Pengurusan Perolehan

i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, empat (4) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang,** satu (1) Jabatan mencapai tahap **Baik** dan satu (1) Jabatan mencapai tahap **Memuaskan.** Bagi Agensi Negeri, dua (2) Agensi mencapai tahap **Cemerlang,** satu (1) Agensi mencapai tahap **Baik** dan satu (1) Agensi berada pada tahap **Memuaskan**. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Pengurusan Perolehan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 14**.


CARTA 14
PENCAPAIAN PENGURUSAN PEROLEHAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018



Sumber: Jabatan Audit Negara

ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria dalam Pengurusan Perolehan bagi enam (6) Jabatan adalah seperti **Carta 15**.


CARTA 15
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN JABATAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 49 kriteria dalam Kawalan Perolehan bagi empat (4) Agensi Negeri adalah seperti **Carta 16**.

CARTA 16
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN AGENSI



Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 6**.

JADUAL 6
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		JABATAN	AGENSI
1.	Tiada kajian pasaran bagi pembelian terus bekalan dan perkhidmatan dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada mana-mana pembekal tempatan.	i. Jabatan Kerja Raya Melaka ii. Mahkamah Syariah Negeri Melaka iii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Melaka	i. Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka ii. Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka iii. Yayasan Melaka

Sumber: Jabatan Audit Negara

v. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh Jabatan/Agensi adalah seperti berikut:

- Pekeliling Perbendaharaan PK 2.1 mengenai Kaedah Perolehan Kerajaan menyatakan pembelian terus ditafsirkan sebagai perolehan bekalan/perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 setahun atau sesuatu kontrak. Agensi hendaklah membuat kajian pasaran supaya harga bekalan atau perkhidmatan yang hendak diperolehi adalah berpatutan dan menguntungkan Kerajaan. **Sebanyak tiga (3) Jabatan dan tiga (3) Agensi membuat perolehan secara pembelian terus berjumlah RM155,313.36 tanpa membuat kajian pasaran**. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 7**.

JADUAL 7
PEMBELIAN TERUS TANPA KAJIAN PASARAN


BIL.	JABATAN/AGENSI	BIL. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)
1.	Jabatan Kerja Raya Melaka	6	45,011.10
2.	Mahkamah Syariah Negeri Melaka	2	12,146.00
3.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Melaka	13	39,732.50
4.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	13	24,842.26
5.	Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka	8	31,196.50
6.	Yayasan Melaka	1	2,385.00
JUMLAH KESELURUHAN		**43**	**155,313.36**

Sumber: Jabatan Audit Negara

e. Kawalan Perbelanjaan

i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, satu (1) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang,** tiga (3) Jabatan mencapai tahap **Baik** dan masing-masing satu (1) Jabatan mencapai tahap **Memuaskan** dan **Kurang Memuaskan.** Bagi Agensi Negeri, dua (2) Agensi mencapai tahap **Baik,** satu (1) Agensi berada pada tahap **Memuaskan** dan satu (1) Agensi berada pada tahap **Kurang Memuaskan**. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek Kawalan Perbelanjaan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 17**.


CARTA 17
PENCAPAIAN KAWALAN PERBELANJAAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018



Sumber: Jabatan Audit Negara

ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 21 kriteria dalam Kawalan Perbelanjaan bagi enam (6) Jabatan adalah seperti **Carta 18**.


CARTA 18
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PERBELANJAAN JABATAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 18 kriteria dalam Kawalan perbelanjaan bagi empat (4) Agensi Negeri adalah seperti **Carta 19**.

CARTA 19
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PERBELANJAAN AGENSI



Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 8**.

JADUAL 8
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		JABATAN	AGENSI
1.	Baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap dan sempurna.	i. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Melaka ii. Jabatan Pertanian Negeri Melaka	i. Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka ii. Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka iii. Yayasan Melaka

Sumber: Jabatan Audit Negara

v. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh Jabatan/Agensi adalah seperti berikut:

- Arahan Perbendaharaan 99(a) menyatakan baucar bayaran hendaklah disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap tanpa merujuk kepada apa-apa dokumen selain yang dikembarkan padanya.

Sebanyak 66 baucar bayaran berjumlah RM580,844.76 bagi dua (2) Jabatan dan tiga (3) Agensi dibuat bayaran tanpa dokumen sokongan yang lengkap. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 9**.

JADUAL 9
BAUCAR BAYARAN TANPA DOKUMEN SOKONGAN LENGKAP


BIL.	JABATAN/AGENSI	BIL. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)
1.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Melaka	28	42,409.27
2.	Jabatan Pertanian Negeri Melaka	2	138,977.60
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	3	5,515.50
4.	Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka	22	346,553.04
5.	Yayasan Melaka	11	47,389.35
JUMLAH KESELURUHAN		**66**	**580,844.76**

Sumber: Jabatan Audit Negara

f. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah/Pinjaman dan Deposit

i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, lima (5) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang** dan satu (1) Jabatan mencapai tahap **Memuaskan.** Bagi Agensi Negeri, dua (2) Agensi mencapai tahap **Cemerlang,** satu (1) Agensi berada pada tahap **Memuaskan** dan satu (1) Agensi berada pada tahap **Kurang Memuaskan**. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 20**.


CARTA 20
PENCAPAIAN PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH/ PINJAMAN DAN DEPOSIT JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018



Sumber: Jabatan Audit Negara

ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 22 kriteria dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi enam (6) Jabatan adalah seperti **Carta 21**.


CARTA 21
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT JABATAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 24 kriteria dalam Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit bagi empat (4) Agensi Negeri adalah seperti **Carta 22.**

CARTA 22
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN KUMPULAN WANG PINJAMAN DAN DEPOSIT AGENSI




Sumber: Jabatan Audit Negara

g. Pengurusan Aset dan Stor

i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, tiga (3) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang,** satu (1) Jabatan mencapai tahap **Baik,** satu (1) Jabatan mencapai tahap **Memuaskan** dan satu (1) Jabatan mencapai tahap **Kurang Memuaskan.** Bagi Agensi Negeri, dua (2) Agensi mencapai tahap **Baik** dan dua (2) Agensi berada pada tahap **Kurang Memuaskan**. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek Pengurusan Aset dan Stor bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 23**.


CARTA 23
PENCAPAIAN PENGURUSAN ASET DAN STOR JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018



Sumber: Jabatan Audit Negara

ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 86 kriteria dalam Pengurusan Aset dan Stor bagi enam (6) Jabatan adalah seperti **Carta 24**.


CARTA 24
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR JABATAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 98 kriteria dalam Pengurusan Aset dan Stor bagi empat (4) Agensi adalah seperti **Carta 25**.

CARTA 25
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR



Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 10**.

JADUAL 10
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		JABATAN	AGENSI
1.	Pemeriksaan harta modal atau aset bernilai rendah tidak dibuat secara menyeluruh sebaliknya hanya dibuat terhadap harta modal atau aset bernilai rendah yang dibeli pada tahun semasa.	i. Jabatan Ketua Menteri Melaka ii. Jabatan Agama Islam Melaka iii. Jabatan Pertanian Negeri Melaka	i. Yayasan Melaka
2.	Kerosakan Aset Alih tidak direkodkan di borang aduan kerosakan Aset Alih.	i. Jabatan Pertanian Negeri Melaka	i. Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka ii. Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka
3.	Senarai Aset Alih Yang Memerlukan Penyelenggaraan Berjadual Tidak Disediakan.	i. Jabatan Agama Islam Melaka ii. Mahkamah Syariah Negeri Melaka iii. Jabatan Pertanian Negeri Melaka	Tiada Agensi terlibat

Sumber: Jabatan Audit Negara

h. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, enam (6) Jabatan mencapai tahap **Tidak Memuaskan**. Pencapaian Jabatan dari aspek Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 26**.


CARTA 26
PENCAPAIAN PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN BAGI TAHUN 2018



Sumber: Jabatan Audit Negara

ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 35 kriteria dalam Pengurusan Kenderaan Jabatan bagi enam (6) Jabatan adalah seperti **Carta 27**.

CARTA 27
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 11**.

JADUAL 11
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN KENDERAAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN
		JABATAN
1.	Kenderaan Jabatan tidak mempunyai nama dan logo Jabatan pada kedua-dua belah sisi kenderaan.	i. Jabatan Ketua Menteri Melaka ii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Melaka
2.	Buku log tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	i. Jabatan Ketua Menteri Melaka ii. Jabatan Kerja Raya Melaka iii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Melaka iv. Jabatan Pertanian Negeri Melaka
3.	Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta tidak disemak oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.	i. Jabatan Ketua Menteri Melaka ii. Jabatan Kerja Raya Melaka iii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Melaka iv. Jabatan Agama Islam Melaka v. Jabatan Pertanian Negeri Melaka
4.	Penyata Pembelian/Penyata Kad Inden Tidak Disemak Silang Dengan Salinan Resit.	i. Jabatan Ketua Menteri Melaka ii. Mahkamah Syariah Negeri Melaka iii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Melaka iv. Jabatan Agama Islam Melaka
5.	Kad Inden tidak disimpan oleh pegawai kenderaan semasa tiada urusan pengisian minyak.	i. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Melaka ii. Jabatan Agama Islam Melaka iii. Jabatan Kerja Raya Melaka iv. Mahkamah Syariah Negeri Melaka
6.	Tiada tindakan penyelesaian saman tertunggak.	i. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Melaka ii. Jabatan Pertanian Negeri Melaka iii. Mahkamah Syariah Negeri Melaka
7.	Pegawai Kenderaan tidak mencetak penyata kad *Touch' n Go* bagi rekod penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit.	i. Jabatan Ketua Menteri Melaka ii. Jabatan Agama Islam Melaka iii. Jabatan Kerja Raya Melaka iv. Jabatan Pertanian Negeri Melaka

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh Jabatan adalah seperti berikut:

- **Penyelenggaraan Buku Log Kenderaan**

  Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - WP4.1 menetapkan bahawa setiap Kenderaan Kerajaan hendaklah dibekalkan dengan Buku Log bagi tujuan mengawal dan memantau penggunaan kenderaan. Buku Log juga hendaklah dikemas kini oleh pemandu bagi setiap perjalanan dan penyenggaraan kenderaan. Penyelenggaraan Buku Log hendaklah dilaksanakan bagi tujuan pemantauan pergerakan Kenderaan Jabatan serta memastikan tiada sebarang penyalahgunaan dalam urusan perjalanan. **Buku Log Kenderaan bagi empat (4) Jabatan adalah tidak kemas kini. Jabatan**

yang terlibat ialah Jabatan Ketua Menteri Melaka, Jabatan Kerja Raya Melaka, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Melaka dan Jabatan Pertanian Negeri Melaka.


- **Pengurusan Kad Inden**

  Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - WP4.1 menetapkan Pegawai Kenderaan hendaklah menyediakan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden kenderaan dengan kemas kini. Buku Rekod ini juga hendaklah diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa. **Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa di lima (5) Jabatan. Jabatan yang terlibat ialah Jabatan Ketua Menteri Melaka, Jabatan Kerja Raya Melaka, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Melaka, Jabatan Agama Islam Melaka dan Jabatan Pertanian Negeri Melaka.**

i. Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman

i. Secara keseluruhannya, bagi Agensi Negeri, dua (2) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, satu (1) Agensi berada pada tahap **Baik** dan satu (1) Agensi berada pada tahap **Kurang Memuaskan**. Pencapaian Agensi dari aspek elemen Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 28**.


CARTA 28
PENCAPAIAN PENGURUSAN
PELABURAN DAN PINJAMAN AGENSI BAGI TAHUN 2018



Sumber: Jabatan Audit Negara

ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria dalam Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman bagi empat (4) Agensi adalah seperti **Carta 29**.

CARTA 29
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAMPENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN AGENSI



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 12**.

JADUAL 12
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN AGENSI

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN
		AGENSI
1.	Daftar pinjaman/pendahuluan tidak disediakan/ tidak diselenggara dengan lengkap bagi pinjaman/ pendahuluan yang diberi kepada anak syarikat subsidiari.	i. Yayasan Melaka ii. Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka
2.	Perjanjian pinjaman/pendahuluan yang diberi tidak disediakan.	i. Yayasan Melaka ii. Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh Agensi adalah seperti berikut:

- **Perjanjian Pinjaman/Pendahuluan**


  Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998 para 6.7.3, (d) menetapkan pinjaman dan jaminan yang dicadang diberikan oleh sesebuah Badan Berkanun, Ketua Eksekutif hendaklah terlebih dahulu

mendapat kelulusan Lembaga Pengarah dengan menasihatkan Lembaga Pengarah bahawa semua pinjaman hendaklah mempunyai perjanjian pinjaman dan dokumen yang berkaitan. **Pinjaman/pendahuluan yang diberi oleh dua (2) Agensi iaitu Yayasan Melaka dan Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka masing-masing kepada satu (1) dan dua (2) anak syarikat berjumlah RM4,438,841.48 dan RM195,183.86 tidak disediakan dokumen perjanjian pinjaman/pendahuluan.**

j. Penyata Kewangan

i. Secara keseluruhannya, bagi Agensi Negeri, dua (2) Agensi mencapai tahap **Baik**, satu (1) Agensi berada pada tahap **Memuaskan** dan satu (1) Agensi pada tahap **Tidak Memuaskan**. Pencapaian Agensi dari aspek elemen Penyata Kewangan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 30**.


CARTA 30
PENCAPAIAN PENYATA KEWANGAN AGENSI BAGI TAHUN 2018



Sumber: Jabatan Audit Negara

ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 28 kriteria dalam Penyata Kewangan bagi empat (4) Agensi adalah seperti **Carta 31**.

CARTA 31
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM PENYATA KEWANGAN AGENSI



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 13** berikut:

JADUAL 13
KELEMAHAN DALAM PENYATA KEWANGAN AGENSI

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN
		AGENSI
1.	Agensi mendapat Sijil Berteguran.	i. Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka ii. Yayasan Melaka

Sumber: Jabatan Audit Negara

6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri Melaka bagi tahun 2018 berada pada tahap **Memuaskan** berdasarkan kepada markah keseluruhan pematuhan terhadap peraturan pengurusan kewangan. Bagaimanapun, terdapat beberapa Jabatan/Agensi yang perlu meningkat dan memantapkan lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti yang berikut:

6.1. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara

berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;

6.2. pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di Bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;

6.3. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara diambil tindakan pembetulan dan pencegahan.

6.4. Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjejaskan imej Kerajaan;

6.5. berusaha mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi 2 boleh dijadikan rujukan;

6.6. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut; dan

6.7. melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius.

Pihak Audit ingin memaklumkan bahawa pengauditan Pengurusan Kewangan (AI) ini dilakukan berdasarkan sampel dan pihak Jabatan/Agensi adalah bertanggungjawab terhadap tadbir urus dan kawalan dalaman organisasi. Oleh itu, tindakan penambahbaikan tidak hanya dilakukan terhadap penemuan Audit sahaja tetapi perhatian seluruhnya diberi kepada sistem, prosedur dan kawalan dalaman yang berkaitan bagi mengelakkan risiko berlakunya fraud dan salah laku.

PENGAUDITAN MENGEJUT DI JABATAN/AGENSI NEGERI

2 PENGAUDITAN MENGEJUT

1. PENDAHULUAN

1.1. Pengauditan ini dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 5 Akta Audit 1957 yang menyatakan Ketua Audit Negara hendaklah mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun pegawai perakaunan Persekutuan dan Negeri, akaun mana-mana kumpulan wang berasingan yang ditubuhkan di sesuatu negeri atau Wilayah Persekutuan.

1.2. Seksyen 6(a) Akta Audit 1957 juga menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pemungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada pengauditannya.

1.3. Pengauditan mengejut adalah satu pendekatan Audit yang meliputi pemeriksaan, penyiasatan dan pengauditan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan dan jangka masa pengauditan kepada pihak Auditi.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan mengejut adalah untuk menentukan sama ada penerimaan, kutipan, kawalan perbelanjaan, kawalan aset dan stor, dokumen berharga, barang rampasan dan barang kes serta kenderaan yang berada di bawah jagaan/seliaan pegawai yang bertanggungjawab diakaunkan secara teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.

3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan mengejut meliputi kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan dan kawalan umum. Pengauditan mengejut dilaksanakan dalam tempoh satu (1) hari atau tempoh masa yang sesuai bagi kes-kes tertentu. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan terhadap penerimaan wang, wang panjar, borang hasil yang dikawal dan barang berharga bagi tahun 2018 di 10 Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK)/Pejabat Kerajaan Negeri di bawah enam (6) Jabatan Negeri dan empat (4) Agensi Negeri seluruh Negeri Melaka seperti **Jadual 1.**

JADUAL 1
PENGAUDITAN MENGEJUT DI JABATAN/
BADAN BERKANUN NEGERI PADA TAHUN 2018

BIL.	JABATAN NEGERI/BADAN BERKANUN NEGERI
JABATAN NEGERI	
1.	Jabatan Agama Islam Melaka
2.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Melaka
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka
4.	Jabatan Pertanian Negeri Melaka
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Melaka
6.	Pejabat Daerah dan Tanah Jasin
BADAN BERKANUN NEGERI	
7.	Lembaga Perumahan Melaka
8.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka
9.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka
10.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka

Sumber: Jabatan Audit Negara

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan mengejut adalah melalui pemeriksaan fizikal terhadap wang tunai, harta awam, aset dan stor, dokumen berharga, barang rampasan dan barang kes serta kenderaan. Semakan terhadap rekod-rekod kewangan, temu bual dengan pihak Auditi, pengamatan keadaan semasa pada tarikh pengauditan seperti kawalan keselamatan ke atas kaunter kutipan dan keadaan peti besi yang sentiasa berkunci. Lawatan dan tinjauan mengejut di lokasi operasi/penyimpanan/stor juga dilakukan.

5. PENEMUAN AUDIT

5.1. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut Di PTJ/PK/Agensi Negeri yang Diaudit

5.1.1. Secara keseluruhannya, pengauditan mengejut di PTJ/PK/Agensi Negeri dinilai berdasarkan 36 yang kriteria melibatkan 19 kriteria di kawalan terimaan, empat (4) kriteria di kawalan perbelanjaan, 10 kriteria di kawalan terhadap barang berharga dan tiga (3) kriteria di kawalan umum. Bagi PTJ/PK/Agensi Negeri yang tidak mempunyai transaksi terimaan, penilaian adalah berdasarkan 22 kriteria melibatkan empat (4) kriteria di kawalan perbelanjaan, 10 kriteria di kawalan terhadap barang berharga, tiga (3) kriteria di kawalan umum dan lima (5) kriteria di kawalan penggunaan kenderaan

Kerajaan. Pihak Audit mendapati ketidakpatuhan seperti dalam **Jadual 2** berikut:

JADUAL 2
BILANGAN KRITERIA TIDAK PATUH
MENGIKUT PTJ/PK/AGENSI NEGERI YANG DIAUDIT

BIL.	KAWALAN	JUMLAH KRITERIA	BIL. KRITERIA TIDAK PATUH MENGIKUT PTJ/PK	BIL. KRITERIA TIDAK PATUH MENGIKUT AGENSI NEGERI
1.	Terimaan	19	7	5
2.	Perbelanjaan	4	-	1
3.	Barang Berharga	10	5	4
4.	Umum	3	1	2
5.	Penggunaan Kenderaan Kerajaan*	5	-	-
JUMLAH KESELURUHAN		**41**	**13**	**12**

Sumber : Jabatan Audit Negara
Nota: * - Dinilai bagi PTJ yang tidak mempunyai transaksi terimaan

5.2. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut Di PTJ/PK/Agensi Negeri yang Diaudit Mengikut Kawalan

a. Kawalan Terimaan

i. Analisis Audit mendapati sebanyak empat (4) PTJ/PK tidak mematuhi tujuh (7) daripada 19 kriteria dalam kawalan terimaan manakala, tiga (3) Agensi Negeri tidak mematuhi lima (5) daripada 19 kriteria kawalan terimaan seperti **Carta 1**. Hasil analisis mendapati:

- Ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan terimaan masing-masing sebanyak 2 PTJ/PK dan 1 Agensi Negeri melibatkan Daftar Mel/Laporan Mel tidak diselenggarakan oleh pegawai yang diberi kuasa; serta wang kutipan tidak dimasukkan ke dalam bank dengan segera tiap-tiap hari berdasarkan semakan terhadap tarikh cetakan bank dan Penyata Pemungut; dan


- Ketidakpatuhan paling rendah dalam kawalan terimaan berlaku di satu (1) PTJ/PK/Agensi Negeri seperti berikut:

  - borang Hasil tidak dikeluarkan mengikut susunan nombor yang betul dan tidak direkodkan di Kew. 68;

  - baki fizikal stok Borang Hasil tidak sama dengan rekod dalam Daftar Borang Hasil;

- stok Borang Hasil tidak disimpan di tempat berkunci dan selamat;
- peranan dan capaian di sistem e-terimaan tidak selaras dengan penurunan kuasa;
- ID Pengguna digunakan semasa ketiadaan pegawai;
- pengasingan tugas untuk terimaan tidak diwujudkan di dalam sistem;
- setiap resit rasmi/kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai/Buku Tunai Elektronik pada hari yang sama;
- notis pemberitahuan orang awam untuk mendapatkan resit rasmi tidak dipamerkan di tempat yang mudah dilihat;
- resit rasmi dibatalkan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa secara bertulis; dan
- cek yang disimpan melebihi tempoh satu (1) minggu dari tarikh terimaan disimpan dalam peti besi atau bilik kebal.

CARTA 1
BILANGAN PTJ/PK/AGENSI NEGERI YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN TERIMAAN



Sumber : Jabatan Audit Negara
Nota:

a. Daftar mel/laporan mel tidak diselenggarakan oleh pegawai yang diberi kuasa dan selain daripada juruwang/pegawai yang menyediakan resit di Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Melaka dan Jabatan Pertanian Negeri Melaka.

b. Wang kutipan tidak dimasukkan ke dalam bank dengan segera tiap-tiap hari dengan menyemak tarikh cetakan bank dan penyata pemungut di Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka dan Lembaga Perumahan Melaka.

c. **Borang Hasil tidak dikeluarkan mengikut susunan nombor yang betul dan tidak direkodkan di Kew. 68 di Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka.**

d. **Baki fizikal stok Borang Hasil tidak sama dengan rekod dalam Daftar Borang Hasil di Lembaga Perumahan Melaka.**

e. **Stok Borang Hasil tidak disimpan di tempat berkunci dan selamat di Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka.**

f. **Peranan dan capaian di sistem e-terimaan tidak selaras dengan penurunan kuasa di Jabatan Pertanian Negeri Melaka.**

g. **ID Pengguna digunakan semasa ketiadaan pegawai dengan merujuk kepada Audit *trail* di Jabatan Agama Islam Melaka.**

h. **Pengasingan tugas untuk terimaan tidak diwujudkan di dalam sistem bagi Jabatan Pertanian Negeri Melaka.**

i. **Setiap resit rasmi/kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai/Buku Tunai Elektronik pada hari yang sama di Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka.**

j. **Resit rasmi dibatalkan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa secara bertulis di Lembaga Perumahan Melaka.**

k. **Notis pemberitahuan orang awam untuk mendapatkan resit rasmi tidak dipamerkan di tempat yang mudah dilihat oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka.**

l. **Wang kutipan tunai kurang dari RM500 dan cek yang disimpan tidak melebihi tempoh satu (1) minggu daripada tarikh terimaan tidak disimpan di dalam peti besi atau bilik kebal di Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka.**

ii. Kawalan terimaan yang tidak mematuhi peraturan/pekeliling menunjukkan kawalan dalaman PTJ/PK yang lemah, proses kerja yang tidak difahami sepenuhnya dan penyalahgunaan kuasa/borang hasil. Kelemahan-kelemahan ini memberi implikasi kepada ketirisan hasil kerajaan dan menjejaskan penyampaian perkhidmatan kepada pengguna.

b. Kawalan Perbelanjaan

i. Analisis Audit mendapati hanya satu (1) Agensi Negeri, iaitu Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka tidak mematuhi satu (1) daripada empat (4) kriteria dalam kawalan perbelanjaan yang melibatkan tuntutan perjalanan dibayar daripada panjar wang runcit.

ii. Kelemahan yang ditemui semasa pengauditan mengejut di Agensi Negeri boleh meningkatkan risiko salah laku dan salah guna kuasa terhadap pengurusan panjar bagi tujuan yang tidak sewajarnya.

c. Kawalan Terhadap Barang Berharga

i. Analisis Audit mendapati tiga (3) PTJ/PK tidak mematuhi lima (5) daripada 10 kriteria dalam kawalan terhadap barang berharga manakala tiga (3) Agensi Negeri tidak mematuhi empat (4) daripada 10 kriteria dalam kawalan terhadap barang berharga seperti **Carta 2**. Hasil analisis mendapati:

- Ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan terhadap barang berharga berlaku di tiga (3) PTJ/PK dan tiga (3) Agensi Negeri seperti berikut:

  - kelewatan pendaftaran harta modal dan aset alih bernilai rendah dari tarikh pengesahan penerimaan;

  - pergerakan aset bagi tujuan pinjaman/penempatan sementara tidak direkodkan dalam KEW.PA-6; dan

  - penerimaan barang-barang daripada pembekal Stor Pusat/Utama tidak menggunakan Borang Terimaan Barang-Barang (BTB) KEW. PS-1.

- Selain itu, berlaku ketidakpatuhan dalam kawalan terhadap barang berharga di dua (2) PTJ/PK, iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Melaka dan dua (2) Agensi Negeri, iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Lembaga Perumahan Melaka yang melibatkan perkara berikut:

  - aset tidak diberi tanda pengenalan Hak Kerajaan Malaysia;


  - tidak ditandakan dengan nombor siri pendaftaran yang betul;

  - stok bertarikh luput tidak dilabel tarikh luput; dan

  - kad berwarna merah jambu tidak digunakan.

- Ketidakpatuhan paling rendah dalam kawalan terhadap barang berharga berlaku di satu (1) PTJ/PK melibatkan aset yang dibeli pada tahun 2017 tidak digunakan dan disimpan di dalam bilik Jurutera, Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka.

CARTA 2
BILANGAN PTJ/PK/AGENSI NEGERI YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN TERHADAP BARANG BERHARGA



Sumber : Jabatan Audit Negara
Nota:

a. **Harta modal dan aset alih bernilai rendah tidak didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan di Jabatan Pertanian Negeri Melaka, Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka dan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka.**

b. **Pergerakan aset bagi tujuan pinjaman/penempatan sementara tidak direkodkan dalam KEW.PA-6 (Rekod Pinjaman dan Pergerakan Aset Alih) di Jabatan Veterinar Melaka, Lembaga Perumahan Melaka dan Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka.**

c. **Penerimaan barang-barang daripada pembekal Stor Pusat/Utama tidak menggunakan Borang Terimaan Barang-Barang (BTB) KEW.PS-1 di Jabatan Kebajikan Negeri Melaka, Jabatan Pertanian Negeri Melaka dan Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka.**

d. **Aset tidak diberi tanda pengenalan Hak Kerajaan Malaysia dan tidak ditandakan dengan nombor siri pendaftaran di Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka dan Jabatan Veterinar Melaka.**

e. **Stok bertarikh luput tidak dilabel tarikh luput dan tidak menggunakan kad berwarna merah jambu di Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Lembaga Perumahan Melaka.**

f. **Aset yang dibeli iaitu 2 buah *Portable PA System* tidak digunakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka.**

ii. Ketidakpatuhan kawalan terhadap barang berharga yang ditemui semasa pengauditan mengejut di PTJ/PK/Agensi Negeri menunjukkan kelemahan kawalan dalaman terhadap pengurusan barang berharga. Ini boleh meningkatkan risiko kepada penyalahgunaan dan kehilangan aset Kerajaan di PTJ/PK/Agensi Negeri tersebut.


d. Kawalan Umum

i. Analisis Audit mendapati enam (6) PTJ/PK tidak mematuhi satu (1) kriteria dalam kawalan umum. Manakala, dua (2) Agensi Negeri tidak mematuhi dua (2) kriteria dalam kawalan umum seperti **Carta 3**. Hasil analisis mendapati:

- Ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan umum berlaku di enam (6) PTJ/PK dan satu (1) Agensi Negeri melibatkan Pemeriksaan Mengejut di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 309 tidak dilaksanakan oleh Ketua Jabatan dalam tempoh enam (6) bulan meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang berharga; serta kod kombinasi dan anak kunci peti besi/bilik kebal dipegang oleh pegawai yang sama dan tidak diberi kuasa; dan

- Ketidakpatuhan paling rendah dalam kawalan umum berlaku di satu (1) Agensi Negeri, iaitu Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka di mana kod kombinasi dan anak kunci peti besi/bilik kebal dipegang oleh pegawai yang sama.

CARTA 3
BILANGAN PTJ/PK/AGENSI NEGERI YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN UMUM



Sumber : Jabatan Audit Negara
Nota:

a. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh enam (6) bulan meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang berharga di Jabatan Kebajikan Melaka, Pejabat Daerah dan Tanah Jasin, Jabatan Pertanian Negeri Melaka, Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka, Jabatan Veterinar Melaka, Jabatan Agama Islam Melaka dan Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka.

b. Kod kombinasi dan anak kunci peti besi/bilik kebal dipegang oleh pegawai yang sama di Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka.

ii. Kelemahan terhadap kawalan umum melibatkan ketidakpatuhan terhadap AP 309, iaitu pemeriksaan mengejut dan juga kod kombinasi dan anak kunci peti besi/bilik kebal dipegang oleh pegawai yang sama. Kelemahan ini memberi implikasi terhadap kehilangan wang awam/barang berharga dan

meningkatkan risiko salah laku dan salah guna kuasa dalam kalangan penjawat awam.

6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengauditan mengejut di PTJ/PK/Agensi Negeri adalah **memuaskan** berdasarkan kepada bilangan pematuhan terhadap kriteria bagi empat (4) kawalan yang diaudit. Ketua PTJ/PK/Agensi Negeri yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan kawalan dalaman serta memastikan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian serius bagi meningkat dan memantapkan kawalan pengurusan kewangan di PTJ/PK/Agensi Negeri agar isu yang dibangkitkan tidak berulang serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan pada masa akan datang. Sehubungan itu, semua PTJ/PK/Agensi Negeri hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

6.1. semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini meliputi pengurusan aset dan stor;

6.2. mengeluarkan surat penurunan kuasa kepada pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan Borang Hasil;

6.3. melaksanakan pemeriksaan mengejut mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan AP 309;

6.4. mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan; dan

6.5. memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan.

PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program/aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek/program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan penambahbaikan yang segera akan menjejaskan pencapaian objektif projek/program secara keseluruhan. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pegawai kerajaan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal perlu memastikan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama berlaku di projek/program yang lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
24 Jun 2019

AKRONIM

AKRONIM

UPEN	Unit Perancangan Ekonomi Negeri
PLKP	Program Latihan Kemahiran Perindustrian
INSEP	*Industrial Skills Enhancement Programme*
WTTP	*Workforce Technical Transformation Programme*
MISDEC	Pusat Pembangunan Kemahiran Perindustrian dan Keusahawanan
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
NOSS	*National Occupational Skills Standard*
CIAST	Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
KWA	Kumpulan Wang Amanah
ICT	*Information and Communications Technology*
SUK	Setiausaha Kerajaan Negeri
SDC	Pusat Pembangunan Kemahiran
ISSAI	*International Standards of Supreme Audit Institutions*
INTOSAI	*International Organisation of Supreme Audit Institutions*
AP	Arahan Perbendaharaan
WP	Pengurusan Wang Awam
AI	Indeks Akauntabiliti
PTJ	Pusat Tanggungjawab
PK	Pusat Kos

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2019
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1- 5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62518 PUTRAJAYA

www.audit.gov.my